


Jilid II
Bil. 14



Hari Selasa
27hb Oktober, 1992

MALAYSIA


PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II
Bil. 14



Hari Selasa
27hb Oktober, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

MENGGANGKAT SUMPAH:

Tuan David Yeoh Eng Hock
Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin
Puan Hajah Rahaiyah binti Baheran
Puan Hajah Hafshah binti Haji Osman [Ruangan 2479]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-Ahli Baru [Ruangan 2479]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2480]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2480]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2481]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 2482]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1995

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' YADWELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P. (Dilantik).

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR.SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).

TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).

TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

„ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL, A.M.N., P.J.K. (Pahang).

DATUK HAJI AZMAN ATAR BIN OTHMAN, D.M.S.M., P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

„ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

„ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).

PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

TUAN CHONO CHI SIONC @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik).
PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
TUAN HO CHENG WANG (Perak).
PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDAN, B.S.K. (Sabah).
TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
TUAN HAJI MOHAMED NAZRJ BIN ABDUL AZIZ, A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
JEN, (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
DATUK NG PENG HAY, D.M.S.M., P.J.K. (Melaka).
DATO' NG THIAN HOCK, D.S.S.A, S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).

TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).

„ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).

DATO' TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).

„ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).

TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).

TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).

DATUK DAYID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

. „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD, DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

„ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha : Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha Kanan : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN NEGARA**Selasa, 27hb Oktober, 1992***mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang **di-Pertua**
mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan David Yeoh Eng Hock.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.

Puan Hajah Hafshah binti Haji Osman.

**PENGUMUMAN
TUAN YANG DI-PERTUA
MENGALU-ALUKAN
AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan beriaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"21hb Oktober, 1992.

Perutusan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetuju-kannya:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT"**

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-

undang yang tersebut di dalam Pemutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak dketapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruritan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan

semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

2.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan Persekutuan ialah Perkara 46 dan Perkara 65. Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan adalah mengenai Keanggotaan Dewan Rakyat. Pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan menambah bilangan kerusi Dewan Rakyat. Kali terakhir pindaan dibuat kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat ialah dalam tahun 1985. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan pemilih dalam tahun 1984 ialah seramai 5,598,672 orang. Sejak tahun tersebut bilangan pemilih telah bertambah dari tahun ke setahun. Mengikut Daftar Pemilih yang disahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada 24hb Jun 1992 bagi negeri-negeri di Semenanjung pada 3hb Julai 1992 bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, jumlah pemilih tidak termasuk Sarawak, telah meningkat kepada 7,306,087 orang.

Jumlah pemilih bagi seluruh negara ialah 8,058,047 orang. Ini bermakna sejak tahun 1984 bilangan pemilih bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan telah meningkat kepada 1,708,015 orang. Peningkatan jumlah pemilih seluruh negara ialah 1,852,143. Dengan penambahan ini bermakna bilangan pemilih bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan telah bertambah kira-kira 31% sejak tahun 1984.

Dengan pertambahan jumlah bilangan pemilih yang besar itu, maka perlu juga dipertimbangkan soal pertambahan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan juga Negeri supaya beban pertambahan pemilih itu dapat dibahagikan semula mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sungguhpun jumlah pemilih telah bertambah sejak tahun 1984 sebanyak 31% bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan, ini tidaklah bermakna bahawa jumlah bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri harus juga bertambah mengikut pertambahan jumlah pemilih itu. Jika ini dilakukan juga maka jumlah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan bertambah besar dan akan menambahkan lagi beban kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah saya nyatakan sebentar tadi serta pentingnya mewujudkan satu sistem perwakilan yang saksama dan berpatutan, adalah dicadangkan supaya peruntukan Perkara 46 dipinda untuk menambah bilangan kerusi di Dewan Rakyat dari 180 kepada 192 iaitu pertambahan sebanyak 12 kerusi. Dalam

cadangan pindaan Perlembagaan ini, bilangan negeri Sarawak tidak terlibat dengan tambahan kemsi kerana tindakan mempersempadankan semula kawasan pilihanraya negeri Sarawak telah pun dilaksanakan dalam tahun 1987 dan Perlembagaan Persekutuan tidak mengizinkan persempadanan semula dibuat sebelum genap 8 tahun.

Tambahan 12 kerusi yang dicadangkan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Johor	—	2 kerusi
Kedah	—	1 kerusi
Kelantan	—	1 kerusi
Pahang	—	1 kerusi
Selangor	—	3 kerusi
Wilayah Persekutuan		
Kuala Lumpur	—	3 kerusi
Perlis	—	1 kerusi

Penentuan 12 kerusi dibuat berdasarkan kepada purata nasional dibandingkan dengan bilangan pemilih tiap-tiap negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata nasional ialah di sekitar 47,000 orang. Berdasarkan kepada purata nasional ini, tambahan kerusi bagi negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Sabah tidak dicadangkan,

Kerajaan berpendapat jumlah kerusi yang sedia ada bagi negeri-negeri berkenaan sudah pun memadai kerana purata pemilih Parlimen di negeri-negeri berkenaan adalah hampir menyamai purata nasional. Walaupun begitu, bagi negeri-negeri berkenaan, persempadanan semula bahagian-bahagian akan dibuat berpandukan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya akan dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya setelah pindaan mengenai bilangan kerusi diluluskan oleh Parlimen. Urusan kajian bagi menentukan sempadan pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh dibuat selepas 8 tahun sesudah urusan kajian terakhir dan ianya perlu diselesaikan dalam tempoh 2 tahun setelah dimulakan. Kajian terakhir yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah pada 8hb November, 1984.

Sesuai dengan pertambahan kerusi ini maka perlulah Suruhanjaya Pilihanraya melaksanakan tugasnya untuk mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya mengikut jumlah kerusi yang dinyatakan di bawah Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Jika pilihanraya umum yang akan datang diadakan selepas persempadanan itu selesai, maka kawasan-kawasan baru akan digunakan bagi pilihanraya umum tersebut. Jika sesuatu pilihanraya kecil perlu diadakan sebelum pilihanraya umum akan datang, kawasan-kawasan yang sedia ada sekarang akan digunakan.

Tambahan kerusi yang dicadangkan ini dijangka dapat mempersempadankan semula kawasan-kawasan pilihanraya dengan saiz keluasan dan bilangan pengundi yang bersesuaian bagi membolehkan Wakil-wakil Rakyat memberikan tumpuan dan perkhidmatan yang lebih sempurna lagi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mencadangkan supaya Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan yang berkenaan jawatan-jawatan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dipinda. Mengikut peruntukan yang sedia ada, Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan dibenarkan memegang jawatan sehingga

mencapai umur 60 tahun ataupun sehingga mana-mana umur yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan mengikut undang-undang, kecuali Setiausaha-Setiausaha tersebut sendiri meletakkan jawatan.

Peruntukan sekarang tidak menghalang Yang di-Pertuan Agong melantik mereka yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat itu.

Pindaan yang dicadangkan sekarang adalah bagi tujuan memperuntukkan perlantikan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibuat dari kalangan mereka yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, dan peruntukan baru ini menetapkan seseorang yang dilantik itu dibenarkan memegang jawatan-jawatan tersebut sehingga mencapai umur 55 tahun, kecuali jika seseorang yang dilantik itu meletakkan jawatan yang lebih awal lagi ataupun ditukarkan ke jawatan lain.

Tujuan pindaan ini juga iatah untuk membubarkan Perkhidmatan Parlimen yang ditubuhkan melalui Seksyen 3 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Pindaan ini sebenarnya bukanlah campur tangan badan Eksekutif terhadap badan Legislatif sebagaimana yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Perkhidmatan Parlimen lebih merupakan Urusetia kepada Parlimen dan ianya lebih bersifat pentadbiran dan penyelarasan. Ianya tidak terlibat langsung dengan penggubalan undang-undang dan dasar-dasar Kerajaan. Ianya bertugas mengikut arahan Parlimen. Jawatan-jawatan Setiausaha-setiausaha ini berserta dengan kakitangan-kakitangan Parlimen yang lain merupakan kakitangan sokongan atau dengan izin, supporting staff bagi melicinkan pentadbiran urusan-urusan Parlimen.

Adalah dijangka lebih wajar mereka yang hendak dilantik ke jawatan-jawatan Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat itu serta kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Parlimen dipilih dari antara mereka yang menjadi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Ini akan membolehkan mereka yang berpengalaman dilantik ke jawatan-jawatan yang akan meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan sokongan bagi urusan-urusan Parlimen. Walau bagaimanapun, untuk memastikan supaya mereka yang memegang jawatan-jawatan Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak akan terjejas, kedudukan mereka dari segi emolumen, syarat-syarat dan terma-terma perkhidmatan mereka yang sedang menjawat jawatan-jawatan tersebut adalah dibenarkan untuk terus memegang jawatan-jawatan itu sehingga tamat perkhidmatannya mengikut peruntukan yang sedia ada.

Di samping itu juga sebagaimana diperuntukkan sekarang, mereka tidak boleh dikeluarkan daripada jawatan masing-masing kecuali mengikut tatacara yang disediakan sekarang iaitu dengan regentation, dengan izin, seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna peruntukan yang baru mengenai perantukan kepada jawatan Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat itu akan terpakai bagi mereka yang dilantik selepas tamatnya perkhidmatan mereka yang menjawat jawatan itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan teruburaya Perkhidmatan Parlimen itu kelak, Perkara 65 (4) dan (5) tidak lagi terpakai dan dibatalkan. Clause 7 di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1992, adalah juga berhubung dengan

cadangan untuk membubarkan Perkhidmatan Parlimen yang sedia ada itu. Apabila berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak, setiap kakitangan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Parlimen yang belum mencapai umur 55 tahun dan membuat option untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan akan menjadi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan ataupun menjadi ahli-ahli perkhidmatan tersebut dan semua terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan tersebut akan terpakai bagi mereka. Walau bagaimanapun, syarat-syarat dan terma-terma yang hendak dipakai bagi mereka hendaklah tidak kurang dari apa yang mereka nikmati sekarang ini.

Kakitangan Perkhidmatan Parlimen yang tidak diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan oleh kerana ia telah mencapai umur 55 tahun, ataupun tidak membuat pilihan untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan akan terus berkhidmat dengan Parlimen atas syarat-syarat dan terma-terma yang tidak kurang dari apa yang mereka perolehi sekarang. Dari segi perkhidmatan dan perjawatan pula, kerajaan berpendapat bahawa pindaan ini boleh mendatangkan beberapa kebaikan. Di antara kebaikan yang dimaksudkan itu ialah peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas terutamanya dari segi kenaikan pangkat, penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai akan bertambah baik kerana adanya kumpulan pegawai yang ramai dengan pengalaman-pengalaman kerja yang meluas dan berbagai, penempatan boleh dilaksanakan mengikut kecenderungan dan pengalaman seseorang pegawai dan perancangan tenaga manusia dan latihan di dalam perkhidmatan dapat dipertingkatkan melalui perancangan secara berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan itu saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat

tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberi sokongan sepenuhnya atas cadangan menambah 12 kerusi Dewan Rakyat, menjadikan kerusi Dewan Rakyat keseluruhannya kepada 192. Untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya setelah tiba masanya kelak. Begitu juga saya berharap Ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan sepenuhnya atas cadangan meminda Perkara 65, Perlembagaan Persekutuan seperti yang telah saya huraikan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Gheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan bagi kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang.

Oleh kerana satu hari sahaja diuntukkan untuk membahas rang undang-undang ini, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berucap seberapa ringkas yang boleh supaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan ini. .Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Azman Atar.

2.55 ptg.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan yang kuat di atas suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Perkara 46 dan juga Perkara 65, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya mengambil kesempatan bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, terutama Yang Berhormat Dato' David Yeoh yang telah dilantik semula dan juga kepada ketiga-tiga Yang Berhonnat ketiga-tiga Senator yang baru dilantik, dengan harapan di atas perjumpaan Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi akan dapat memberikan lagi imej yang tinggi kepada Dewan Negara kita, di mana untuk makluman Yang Berhormat di satu masa dahulu Dewan Negara pernah dipanggil sebagai "rubber-stamp". Tetapi Dewan Negara sudah tidak lagi menjadi "rubber-stamp", malahan ia lebih berfungsi daripada Dewan Rakyat. Bertindak sebagai penasihat kepada Parlimen dan penasihat kepada kerajaan yang memerintah sekarang. Walaupun kita ada empat orang yang tidak sekapal dengan kita dalam Dewan ini, tetapi mereka ini kadangkala menyokong kita, cuma hendak menyebut perkataan sokong sahaja dia terasa malu.

Tuan Yang di-Pertua, memang patut dan sudah sampai masanya di mana satu pindaan Perlembagaan Negara kita dipinda, terutamanya menambahkan kawasan pilihanraya dan pada kali ini dalam pindaan kita menambah sebanyak 12 kerusi di Dewan Rakyat. Ini terbukti menunjukkan bahawa negara kita telah mempunyai penduduk yang begitu ramai dan terbukti bahawa kerajaan mampu untuk mengeluarkan peruntukan 12 lagi Wakil Rakyat yang kita "akan adakan dalam pilihanraya yang akan datang. Dengan ini jelas terbukti bahawa negara pimpinan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Yang'Amat Berhormat Encik Ghafar

Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri, dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain yang terdiri daripada parti-parti yang sentiasa melihat keadaan rakyat dalam negaranya yang perlu diberikan keutamaan menentukan rakyatnya ada makanan, ada pakaian, cukup sekolah untuk tempat anak-anak bersekolah, ada hospital untuk tempat orang sakit dan berbagai-bagai lagi penyelesaian untuk rakyat.

Walaupun kerajaan kita mempunyai nawaitu, niat yang murni untuk memberikan penyelesaian rakyat, masih terdapat lagi golongan manusia yang tidak tahu bersyukur kepada Tuhan dan tidak tahu berterima kasih kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir dan juga parti-parti komponen dalam Barisan Nasional. Apa juga beniuik Rang Undang-undang yang kita bawa ke Dewan Negara untuk faedah orang ramai, untuk faedah kepada rakyat jelata, maka sudah pasti walau ianya merupakan perkara yang baik tetapi kepada Pembangkang tetap tidak baik kerana suara-suara lantang saya dengar di dalam Dewan Rakyat di dalam menambah kerusi ini begitu lantang sekali seolah-olah Barisan Nasional yang menerajui kerajaan sekarang membuat pindaan Perlembagaan ini menambahkan 12 kerusi seolah-olah ianya menguntungkan semuanya kepada Barisan Nasional.

Saya hendak beritahu kepada kawan-kawan yang tidak sekapal dalam Dewan ini, walaupun Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dapat 3 kerusi, saya tidak fikir ketiga-tiga ini untuk Barisan Nasional. Mungkin 1, saya fikir - mungkin, itu pun kalau saya bertanding. *(Ketawa)* Kalau orang lain bertanding belum tentu lagi. Jadi, janganlah pihak Pembangkang sentiasa mencari jalan untuk menuduh bahawa apa sahaja bentuk rang undang-undang yang

dikemukakan dalam Parlimen ianya seolah-olah memberikan keuntungan kepada rakyat yang menyokong Barisan Nasional dan tidak menguntungkan kepada rakyat yang bukan menyokong Barisan Nasional.

Saya menafikan perkara ini dengan sekeras-kerasnya. Barisan Nasional adalah melambangkan dacing. Sudah tentulah dacing itu tidak akan berat sebelah. Dia akan sentiasa adil dan sentiasa memberikan pembahagian saksama kepada seluruh rakyat jelata mahupun dia menyokong ataupun tidak menyokong kepada kerajaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menentukan persepandangan ini, cuma saya ingin menasihatkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang akan bertanggungjawab untuk menentukan kawasan-kawasan pilihanraya agar ianya merupakan satu tugas dan tanggungjawab yang akan mendapat kepujian dari seluruh rakyat jelata di mana pertama menentukan semua rakyat yang berada di dalam kawasan pilihanraya yang baru ataupun yang lama, tidak kira dia menyokong Kerajaan Barisan Nasional atau bukan, pasti apabila dia ingin mendaftar sebagai pengundi mesti dilerima. Inilah satu, dengan izin, the beauty of Malaysia, di mana Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Barisan Nasional tidak pernah main kotor, dengan izin, we never play dihy games. Tidak pernah kami main kotor. Kalau kami hendak main kotor, tidak perlu kami hendak bincang. Sudah tentu dalam Dewan ini kami mendapat sokongan penuh. Sudah macam ini saya bercakap, Yang Berhormat dari PAS dan S. 46 tidak cuba hendak minta penjelasan? *(Ketawa)* Saya hendak beri penjelasanlah.

Kenapa Kerajaan Barisan Nasional dituduh seolah-olah macam satu taktik main kotor, Seolah-olah macam kami

mengadakan pindaan ini tergesa-gesa. Apa perbezaan kalau sekiranya pindaan Perlembagaan ini diberikan kepada tiap-tiap anggota Dewan dalam masa sebulan yang boleh dibaca dalam masa 10 minit dan apa perbezaan kalau sekiranya rang undang-undang ini diberikan dalam masa 1 hari, juga boleh dibaca dan dihabiskan dalam masa 10 minit. Cuma yang tidak boleh memahami ialah orang yang sentiasa tidak mahu memahami sama ada benar atau tidak benar rang undang-undang ini memberi faedah kepada rakyat, memang pada dia sudah, dengan .izin, totally, dia tidak akan menerima, dia akan menolak kerana kononnya ini bukanlah kemahuan parti.-

Saya ingin tahu daripada Pembangkang apakah kemahuan yang s benar yang mahu kami sama-sama turut dari sokong? Sila beri cadangan. Sudah ada ura-ura hendak adakan hukum hudud tetapi sampai sekarang tidak ada juga pindaan Perlembagaan. Kami hendak tengok juga apa jenis hukuman hudud itu. Minta maaf, Tuan Speaker, saya sudah lari sedikit fasal hudud ini. Di samping saya dok seronok bercakap perkara ini, sedikit-sedikit apa salah saya sentuh fasal hudud sebab bila bercakap masalah sebarang pindaan Perlembagaan, apabila kita tahu Pembangkang sentiasa menentang kita, kita hendak tahu apa jenis undang-undang yang dia hendak kemukakan kepada Dewan yang perlu mendapatkan sokongan atau perhatian dari kami. Bawa sebarang rang undang-undang, kami akan teliti dengan baik, kalau perlu disokong kami sokong. Tetapi kalau ianya merupakan satu rang undang-undang yang boleh menjahanamkan negara, sudah tetap kami akan tolak.

Tuan Speaker, saya inginlah menasihatkan sekali lagi kepada pihak SPR

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Datuk Haji A/man Atar bin Othman: Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya bukan Pembangkang. Saya Senator Barisan Nasional. Tadi saya tengok Datuk Azman sebut semua Pembangkang. Saya hendak tanya, di Kelantan, kita tambah kerusi atau tidak bagi Negeri dan juga Parlimen?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas pertanyaan Yang Berhormat Haji Nazri. Itu yang saya hendak sebut. Bila benda yang menguntungkan dia, dia akan sokong. Saya percaya di Kelantan dia akan sokong sebab ketiga-tiga kerusi ADUN yang kita beri itu semua untuk dia. Saya percayalah buat masa sekarang dan kami pun tidak mahu kacaulah. Kaiau PAS hendak memerintah di Kelantan, perintahlah asalkan rakyat jangan sampai terkeluar dalam surat-khabar mengatakan rakyat sudah tidak ada makanan dan ketika itu barulah Barisan Nasional akan ambil balik. Jadi, untuk jawapannya, mana yang tidak menguntungkan dia, dia akan menentang dan mana yang akan menguntungkan dia, dia akan menyokong dan saya percaya itu sebab.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Haji Azman, bila bercakap tentang Perlembagaan Malaysia dan Dewan

Negeri Kelantan akan ditambah dengan pengwujudan satu Parlimen, kita pernah dituduh oleh Pembangkang sebagai suatu Perlembagaan yang ada di dalam negara ini adalah Perlembagaan jahiliah, Perlembagaan taghut dan sebagainya. Apakah Perlembagaan yang hendak diluluskan ini, iaitu 3 Dewan Undangan Negeri yang ditambah ini, pada fikiran Yang Berhormat Datuk Haji Azman merupakan satu Perlembagaan yang taghut dan dikatakan sebagai Perlembagaan jahiliah?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Ustazah Zaleha. Saya percaya ucapan yang sedemikian rupa memang dilemparkan tetapi kepada rakyat di kubu-kubu PAS. Tetapi di dalam Parlimen atau dalam Dewan Rakyat atau di Dewan Undangan Negeri, dia tidak akan sebut itu merupakan Perlembagaan jahiliah sebab itu menguntungkan dia. Kalau dia mengatakan perkataan yang sama juga maknanya, pada saya bila diluluskan sahaja Rang Undang-undang itu, mahupun di Dewan Undangan Negeri atau di Dewan Rakyat atau Dewan Negara, jawabnya siapa yang duduk di kerusi itu, dia juga termasuk ketua jahiliah, pemimpin jahiliah dan elaun gaji yang diterima dari Kerajaan Barisan Nasional itu, jawabnya, hukumnya dari fatwa sayalah, (*Ketawa*) haram, sepuluh kali haram lagi. (*Ketawa*) Jadi, itulah jawabannya.

Tuan Mustafa bin Awang:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tengok, balik-balik orang Barisan sahaja, bangkitlah orang PAS kah

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Haji Azman. Kalau Kerajaan Persekutuan memberi jalan mewujudkan satu kawasan Parlimen dan mungkin 3 State, apakah ada kuasa Kerajaan Negeri menolak tidak mahu terima?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya percaya kalau hendak ikut kuasa, memang ada kuasa untuk kerusi Dewan Undangan Negeri dia menolak, tetapi pada saya paling bodohlah. Dia tolak benda ini hendak dapat lagi, 10 tahun lagi. Masa 10 tahun, fikirlah, pemimpin yang ada sekarang yang memimpin belum tentu dia hidup. Kalau hidup pun belum tentu dia akan menjadi pemimpin kerana muka baru makin lama makin ramai dalam negara kita ini. Kita ini sebagai pemimpin tak ubah telur di hujung tanduk, menunggu masa sahaja kita tergolek. Jadi itulah saya hendak beri penjelasan. Saya percaya dia akan menyokong 100%, kalau tak percaya, tanya Yang Berhormat Ustazah Kalthom, menyokong tak? Ha, dia menyokong, menyokong! (*Ketawa*) Dalam Dewan Negara ini pun dia akan sokong, jangan susah! (*Ketawa*) PBS mana? PBS ada di luar? PBS yang saya hairan, tiap-tiap kita meminda Perlembagaan, dia tak attend dalam persidangan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua. . . .

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
(*Bangun*)

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi dari Yang Berhormat Datuk Haji Azman, semasa Yang Berhormat Datuk Haji Azman bertanya kepada Yang Berhormat Puan Kalthom, beliau mengatakan

"belum tentu" bila perkataan "belum tentu" ini ertinya Dewan Undangan Negeri Kelantan mungkin menolak - 3 kerusi Dewan Undangan Negeri dan satu kerusi Parlimen, maksudnya Dewan Undangan Negeri Kelantan, dan itu suara PAS. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Puan Kalthom binti Haji Othman:
(*Bangun*)

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Nanti saya jawab dahulu.

Puan Kalthom binti Haji Othman:
Tak beri?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya jawab dahulu, nanti terlupa.

Puan Kalthom binti Haji Othman:
Minta sedikit sahaja.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Silakan.

Puan Kalthom binti Haji Othman:
Tuan Yang di-Pertua, bila saya jawab belum tentu, kita boleh membuat mengikut pentafsiran sendiri. Dewan Undangan Negeri belum bersidang, ertinya, apakah betul huraian yang disampaikan oleh Datuk Haji Azman ataupun huraian yang dibuat oleh Senator Puan Hajah Zaleha. Jadi makna saya jawab "belum tentu" sebab saya mewakili parti Pembangkang. Sebelum keputusan ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri, ertinya saya tidak boleh memberi jawapan yang muktamad. Itu pemikiran saya.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam penjelasan ini saya sokong Yang Berhormat Puan Hajah Kalthom. Memang betul dia kata sebab ini terbukti bahawa tiap-tiap wakil dari PAS, S. 46 atau PBS yang ada dalam Dewan ini

mereka tidak ada full power untuk membuat keputusan! Tak ada! Dia terpaksa mendengar arahan daripada atas. Kalau arahan surah terjun lubuk terjun lubuklah! Ini terbukti, tetapi bila jawapan mereka mengatakan "belum tentu", dari amalan hidup saya, bila orang jawab "belum tentu" maknanya dia akan sokong. (*Ketawa*) Ini amalan saya, fasal dia berani berani takut, tahu tak, akhirnya dia berani.

Jadi itulah penjelasannya. Jadi, walau macam mana pun, terbukti kita pada hari ini. Saya percaya Yang Berhormat Mohd. Zain daripada S. 46, Yang Berhormat Ustazah Kalthom dia tak akan berani buat keputusan sebab dia mempunyai boss-boss, tak macam kita. Kita ini betul-betul digalakkan bersistem demokrasi, luas memberi pandangan, berfikir, memberi pendapat. Tengok macam saya berucap ini, saya berucap saya rasa Perdana Menteri tak boleh menang lawan cara saya berucap! (*Ketawa*) (*Tepuk*) Tengok, saya boleh sebut benda-benda ini. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional memberi kebebasan kepada Ahli-ahlinya bercakap apa sahaja asalkan ianya menguntungkan rakyat jelata.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan penambahan 12 kerusi ini akan memberikan lebih perkhidmatan kepada rakyat jelata melalui wakil-wakil rakyat yang kita akan letak bertanding dalam pilihanraya yang akan datang. Dan juga dengan penambahan kerusi ini saya percaya Kerajaan akan lebih bergiat untuk membangunkan negara dan memastikan seluruh pelusuk kampung yang belum ada air, belum ada api akan diberikan nikmat semacam mana yang diterima oleh penduduk-penduduk dalam bandar. Saya percaya dan yakin selagi pimpinan Barisan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba dan juga dibantu

oleh Menteri-menteri Kabinet kita yang mempunyai pengalaman-pengalaman yang baik-baik, yang mempunyai budi bahasa, pengertian dan berbagai-bagai lagi. Contohnya macam Dato' Abang Abu Bakar yang membentangkan rang undang-undang sebagai orang yang paling dihormati, disegani, bukan sahaja dalam Dewan, di Sarawak pun. Dan inilah contohnya pemimpin-pemimpin kita, Barisan Nasional! (*Ketawa*) Saya kalau jack Dato' pun saya sudah dapat "Datuk" daripada Melaka (*Ketawa*). Kalau tidak boleh juga recommend daripada Sarawak. Cuma "Datuk" saya, Datuk istimewa, siapa pun tak boleh tarik, jadi itulah istimewanya.

. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menyentuh di dalam Perkara 65, Perlembagaan. Ini penting di mana perlantikan Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jawatan-jawatan ini adalah jawatan penting semacam mana contoh yang kita lihat dalam Dewan ini di mana Setiausaha Dewan Negara kita senantiasa boleh bekerjasama dengan Tuan Speaker kita dan hormat menghormati satu dengan lain. Saya tidak mahu terdengar perkataan Setiausaha Dewan bergaduh dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu dengar Setiausaha Dewan lebih bertindak daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya tak mahu dengar Setiausaha Dewan dia seolah-olah menjadi ketua pentadbir sehingga sanggup membelakangkan Tuan Yang di-Pertua. Maka itu saya percaya kerana ada cerita-cerita yang boleh dipercayai maka perlu rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen uhtuk dibuat pindaan. Dan saya harap selepas pindaan Perkara 65 Perlembagaan ini, tugas dan tanggungjawab Setiausaha dan semua kakitangan Parlimen yang ada berkaitan dengan pindaan Perlembagaan ini akan dapat memberikan kerjasama kepada Parlimen dan merupakan pegawai-pegawai yang berkecuali semacam mana yang dibuat sekarang, malahan bertambah lagi akan

datang. Saya tak pernah dengar seorang Pembangkang komplek kepada Setiausaha Dewan. Saya percaya Setiausaha Dewan akan melayan siapa sahaja asalkan dia Ahli Dewan sama ada dia itu Pembangkang, dia tak pernah pilih bulu.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan. Mengikut Perkara 65, Fasal 7, tercatat di sini pindaannya;

"Seseorang Setiausaha Dewan Negara itu atau Dewan Rakyat mesti mencapai umur 55 tahun"

Berbanding dengan umur dahulu 60 tahun, pada fikiran Yang Berhormat Datuk Haji Azman Atar, adakah Setiausaha Dewan Negara sekarang ini yang akan mencapai umur 55 tahun akan lebih layak kalau dilanjutkan tempoh perkhidmatannya?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid, kepada Setiausaha Dewan Negara kita ini, kalau ditanya adakah layak? Saya kata lebih daripada layak. (*Ketawa*) Lebih daripada layak! (*Tepuk*) Pertama, beliau muda, hendak mendisiplinkan diri lebih mendapat kehormatan daripada kita, tahan dia simpan janggut. (*Ketawa*) Ini menunjukkan dia senantiasa bersongkok, tak peraah saya tengok dia tak bersongkok. Kalau hendak ikut alim, dia lebih alim daripada orang PASlah! Dia lebih alim daripada orang PAS. Dia alim, alim betul punya. Daii kalau dia menjadi imam di hadapan pun saya tak was-was untuk menjadi makmum kerana saya percaya takbir sekali dia angkat itu terus betul usallillah (*Ketawa*) tak macam

pernah saya berimam. dengan seorang kawan berebut-rebut hendak jadi imam, mula ada kawan ke depan, sampai lima enam kali takbir tak boleh. Lama-lama kawan ini hendak menonjolkan diri, konon dia lebih bijak, lebih pandai menjadi imam dia suruh kawan di belakang itu menjadi makmum, dia ke depan jadi imam sambil dia menyebut Allahu-Akbar, dia terus paling ke belakang dia tengok sekali sahaja saya menyebut Allahu-Akbar. (*Ketawa*) Ini yang menunjukkan imam hipokrit.

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros: Minta penjelasan. Datuk Haji Azman Atar bercakap tadi, oleh kerana, berdasarkan kepada kawan. Kawan ini banyak kawan. Daripada golongan mana kawan itu, sama ada kawan daripada kumpulan Barisan Nasional ataupun bukan daripada kumpulan Barisan Nasional, kawan daripada mana yang mengimamkan berlainan tadi?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Bila saya sebut benda ini maknanya tentulah bukan daripada Barisan Nasional! Kalau Barisan Nasional, mestilah golongan yang betul-betul berilmu, betul-betul pandai, bijak.

Jadi, seterusnya saya beri pengakuan sekali lagi kalau Setiausaha Dewan ini saya amat bersetuju supaya dia diteruskan walaupun sudah sampai meningkat umur 55 tahun boleh dibenarkan disambung lagi sehingga umur 60 tahun. (*T.epuk*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah berjanji tadi saya akan berucap dua puluh minit, saya hendak bercakap banyak tetapi terlalu banyak gangguan, begitu ramai berminat hendak bertanya. Inilah caranya, bila saya berucap, saya sedia menjawab siapa sahaja yang hendak minta penjelasan. Tetapi yang saya hairan bila Pembangkang berucap, kita hendak

minta penjelasan, dia takut dan tidak berani beri peluang. Macam mana ini, kita satu Dewan, kalau hendak berkelahi pun, berkelahilah dalam Dewan ini, kita di luar we are all friends, dengan izin, kita semua kawan. Boleh duduk semeja, boleh minum. Cuma kita dalam Dewan ini berlainan ideologi, berlainan fahaman. Tetapi walau dari segi saudara, dari segi rakyat, kita sama sebagai rakyat Malaysia. Saya percaya sudah tentu Pembangkang yang betul-betul mempunyai pemikiran yang bijak, yang baik, yang bersih, dia tidak akan tergamak memburuk-burukkan negara kita bila dia ke luar negara. Sudah tentu dia akan sama-sama memuji, cuma dalam Dewan sahaja dia akan bercakap benda-benda yang negatif.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, sekali lagi saya amat bersetuju rang undang-undang ini diluluskan dalam Dewan Negara ini dan saya inginlah menasihatkan kepada SPR apabila rang undang-undang ini diluluskan supaya SPR lebih kemas, lebih berhati-hati untuk menentukan per-sempadanan ini supaya ianya merupakan satu rang undang-undang yang tidak akan dicabar oleh mana-mana pihak pada masa akan datang. Maka dengan itu saya menyokong penuh kepada rang undang-undang beraama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ng Peng Hay.

3.22 *ptg.*

Datuk Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakan-rakan saya Ahli-ahli Dewan Negara daripada Parti MCA

khususnya menyokong penuh rang undang-undang untuk meminda Akta Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan bahawa rang undang-undang ini dipinda khususnya pada petang ini ialah untuk mempersempadankan semula kawasan-kawasan pilihanraya daripada 180 kepada 192 dan ini adalah kerana bilangan pemilih telah meningkat. Dan apa yang saya difahamkan mengikut penjelasan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi bahawa di dalam negara kita ini pada setakat ini kawasan-kawasan Parlimen mengikut purata bilangan pemilih adalah lebih kurang 47,000 pemilih dan di sini saya suka mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit berkenaan dengan pindaan kali ini. Walaupun pindaan kali ini hanya enam negeri dan Wilayah Persekutuan yang akan terlibat dalam mempersempadankan semula kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan tidak termasuk lima negeri lagi iaitu Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya khusus hendak timbulkan berkenaan dengan keadaan di negeri Melaka untuk dipertimbangkan semula oleh kerajaan ialah kerana di negeri Melaka pada masa ini mempunyai lima kawasan Parlimen yang mana Parlimen Kota Melaka mempunyai 71,227 pemilih dan Parlimen Batu Berendam pula mempunyai 77,917 pemilih. Parlimen Alor Gajah mempunyai 36,234 pemilih, Selandar mempunyai 38,095 orang pemilih, bagi Parlimen Jasin mempunyai 42,059 pemilih dan kami berpendapat kalau mengikut bilangan yang saya sebutkan tadi bahawa Parlimen Kota Melaka dan Parlimen Batu Berendam patut ditimbang semula yang mana kedua-dua

Parlimen ini patut dibahagikan menjadikan tiga kerana kawasan Kota Melaka dan Batu Berendam telah mempunyai 71,000 dan 77,000 pemilih yang saya sebutkan tadi dan kerana bilangan itu telah lebih daripada purata 47,000 pemilih dalam kawasan Parlimen purata di negara ini, maka saya berharap SPR ataupun pihak-pihak yang berkenaan akan membuat kajian supaya membahagikan bilangan pemilih mengikut kawasan Parlimen yang lebih saksama kerana kami berpendapat dalam satu kawasan Parlimen yang mempunyai 71,000 pemilih adalah menjadi satu beban kepada seorang Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Rakyat yang mana khususnya Kota Melaka. Kawasan ini adalah kawasan Parti Pembangkang iaitu DAP yang mana selama ini Parlimen Kota Melaka ini di bawah Ahli Dewan Rakyat daripada Parti DAP, yang menderita ialah rakyat di dalam kawasan Kota Melaka kerana Ahli Parlimennya tidak dapat menjaga kawasan yang begitu besar dan rakyat selalu mengadu kepada Parti Barisan Nasional bahawa masalah-masalah yang timbul tidak dapat diselesaikan. Maka adalah wajar kalau sekiranya pihak yang berkenaan dapat mengkaji semula tentang pandangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit memandangkan bahawa kerusi Dewan Rakyat telah meningkat daripada 180 menjadi 192 iaitu tambahan 12 kerusi Ahli Dewan Rakyat dan pada masa kini Dewan Negara hanya mempunyai 69 orang Ahli Dewan Negara, maka ada wajarnya bilangan Ahli Dewan Negara harus ditambah. Ia akan selaras dengan peningkatan bilangan ahli-ahli dalam Dewan Rakyat yang mana kini bilangan Ahli-ahli Dewan Negara ialah 69 orang berbanding dengan Dewan Rakyat mempunyai 180 orang. Kalau Dewan Rakyat ditambah 12 kerusi, saya berpendapat bilangan Ahli Dewan

Negara juga patut meningkat bersama kerana Dewan Negara juga memainkan peranan yang begitu penting dalam meluluskan sesuatu undang-undang. Misalnya pada petang ini kalau sekiranya kami tidak bersetuju maka Rang Undang-undang ini tidak dapat diluluskan. Maka Dewan Negara adalah juga Dewan yang begitu penting bagi keseluruhannya. Jadi, kami juga berharap pihak kerajaan akan dapat menambahkan bilangan ahli yang ada dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menimbulkan dalam pindaan pada petang ini berkenaan dengan Perkara 65 yang mana kami difahamkan selepas pindaan pada petang ini, Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan juga mengikut satu service terbuka. Jadi, saya berpendapat pindaan ini telah sedikit sebanyak merampas atau menarik kuasa Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kalau dibandingkan dengan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang sedia ada. Saya suka meminta Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang ini memberikan sedikit penjelasan yang lebih mendalam. Walaupun penjelasan telah diberi tetapi kami tidak begitu faham kenapa Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah wujud selama 29 tahun ini akan dimansuhkan. Kalau dibandingkan dengan Komanwel, Parlimen di United Kingdom pun mempunyai Akta Perkhidmatan Parlimen seperti ini, jadi kenapa kita hendak memansuhkan? Adakah selama ini pentadbiran Dewan Negara ataupun pentadbiran Dewan Rakyat menghadapi masalah ataupun tidak mencapai matlamat ataupun prestasinya tidak memuaskan? Adakah kerana Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan

Rakyat, selama ini tidak menjalankan tugas dengan memuaskan ataupun tidak menjalankan tugas dengan sempurna? Kami berasa puas hati dengan keadaan sekarang yang mana Setiausaha dan Pentadbiran Dewan Negara telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan begitu licin dan kami tidak pernah menghadapi masalah di mana bil-bil tidak dapat diluluskan ataupun tergendala menjalankan urusan pentadbiran dalam Dewan Negara.

Jadi, itulah pandangan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang mana kami berasa hairan kenapa dicadangkan untuk memansuhkan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah wujud selama 29 tahun dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan yang lebih dalam.

Oleh kerana ramai lagi rakan-rakan saya akan mengambil bahagian dalam perbahasan, itu sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya bagi pihak rakan-rakan saya, khususnya daripada MCA, memberi sokongan yang penuh dalam rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat C. Krishnan.

3.31 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang diberikan oleh Menteri kita mengenai Rang Undang-undang ini sudah pun cukup betapa perlunya kami, Ahli-ahli Dewan Negara harus turut

bersama dengan Dewan Rakyat untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Seperti kita sedia maklum, pengundi-pengundi telah pun bertambah semenjak 1984 dan kita dapat menambahkan kerusinya pada masa itu 180 dan kalau kita bandingkan sudah pun 8 tahun, 1.8 juta pengundi telah pun bertambah. Ini menunjukkan 30% pertambahan. Oleh sebab itu, dengan izin, for effective representation, Kerajaan telah pun bercadang supaya kerusi-kerusi ditambah. Dengan ini Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan benar-benar dapat mewakili rakyat jelata di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Alasan-alasan kerajaan harus diterima oleh pihak-pihak bukan daripada parti. Barisan Nasional.

Adalah satu penyakit untuk parti-parti Pembangkang, apa sahaja yang Kerajaan bawa, dia tolak. Dan tidak mahu mengkaji cadangan ini sama ada baik ataupun tidak baik, dia kata tolak. Saya pun amat terharu dan amat kesal dengan undi-undi berlaku di Dewan Rakyat di mana pihak Pembangkang telah pun menentang Rang Undang-undang ini. Alasannya mereka mengatakan, it is save sit, Barisan Nasional ini hendak pinda Rang Undang-undang ini untuk tambahkan lebih kerusi-kerusi untuk Barisan Nasional. Alasan ini macam mana kita boleh terima? Kalau sudah ada tambahan satu kerusi di negeri Kelantan, memang kita sudah tahu satu hakikat yang mana saya telah pun meninjau pendapat orang ramai di 'Kelante' (Kelantan) baru-baru ini, mereka pun berpendapat bahawa dengan diputarbelitkan oleh Kerajaan PAS di Kelantan, orang ramai masih sokong kerajaan itu. Mungkin dengan pertambahan satu kerusi lagi memang boleh menang. Apa sebab parti Pembangkang daripada Parti Semangat 46 dan PAS sokong ataupun tidak sokong dengan rang undang-undang ini.

Kerajaan telah pun dengan baik hatinya menunjukkan bahawa pengundi telah bertambah 31%. Saya harap kawan-kawan saya di dalam Dewan yang mulia ini daripada parti Pembangkang akan ambil kira tentang suci mumi Kerajaan Barisan Nasional ke atas pindaan ini. Saya sungguh-sungguh berharap jangan ambil sesuatu pendirian dari segi parti. Kita kena ambil satu pendirian dari segi baiknya sesuatu undang-undang. Oleh sebab itu, MIC akan menyokong penuh dengan pindaan rang undang-undang ini dengan rela hatinya.

Cuma satu dua perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa ke perhatian Yang Berhormat Menteri. Seperti yang dibentangkan oleh Menteri bahawa pengundi telah pun bertambah, ini mencerminkan pembangunan pesat telah pun berlaku di dalam negara kita. Oleh sebab itulah population sudah increase. Rakyat senang, dapat pendapatan lumayan, oleh sebab itu penduduk pun bertambah. Ini menunjukkan kawasan yang tertentu sahaja ada pertambahan itu, di kawasan Klang Valley umpamanya dan kawasan-kawasan yang sudah ada pembangunan yang pesat, seperti di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Saya merayu supaya pembangunan pesat harus diperbanyakkan aktivitinya kepada negeri-negeri lain, seperti di Terengganu, Kedah dan lain-lain tempat di mana penduduknya sangat kurang. Menteri kata sangat kurang, dia kata kalau boleh 47,000 penduduk, kalau saya tak salah. Kalau 47,000 itu, ini adalah satu purata yang seimbang supaya kita boleh jaga kawasan itu dengan baiknya. Mungkin di negeri Terengganu, penduduknya tidak bertambah, kita berusaha di masa-masa akan datang.

Kerajaan akan memberi perhatian berat tentang kawasan-kawasan ataupun negeri-negeri yang Kerajaan Barisan

Nasional tidak dapat pertimbangkan dari segi bilangan penduduknya. Kalau boleh, fokus ini harus diberikan kepada kawasan-kawasan lain di mana pembangunan harus dibuat. Kalau boleh, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menarik lebih ramai pemodal/pemodal dari luar negeri ke Terengganu. Dari segi itu, pembangunan pesat akan berlaku, ekonomi akan bertambah dengan pesat, dengan itu kita akan mewah. Oleh sebab itu, saya berharap pembangunan itu bertambah baik, bukan sahaja di Kuala Lumpur, Selangor dan lain-lain tempat, dari sudut itu kita boleh menambahkan penduduk-penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak timbulkan mengenai perkara seperti yang ditimbulkan oleh kawan-kawan saya dan yang diheboh-hebohkan oleh parti Pembangkang juga. Ini mengenai dengan Pasal 7 di mana saya difahamkan anggota-anggota ataupun kakitangan Perkhidmatan Parlimen yang ditubuhkan menurut Seksyen 3, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang memilih untuk menjadi anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan hendaklah menjadi anggota perkhidmatan awam itu dan segala terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai bagi anggota-anggota perkhidmatan awam itu hendaklah terpakai bagi mereka, Sambil kita menerima alasannya di mana semua kakitangan daripada pengamalan Bil ini, mereka akan bekerja bukan sebagai kakitangan ataupun anggota Perkhidmatan Parlimen, tetapi seperti lain-lain pegawai-pegawai kerajaan, mereka akan ditetapkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA.

Cuma satu, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kerajaan yang lain tanggungjawab mereka itu adalah berlainan dengan anggota ataupun kakitangan Parlimen, Kakitangan

Parlimen telah pun pergi ke training atau latihan mengenai perjalanan undang-undang Parlimen dan perkhidmatan mereka secara Closed Department. Mereka sentiasa berada di sini dan telah pun tahu selok-belok mengenai Parlimen itu dan mempunyai kepakaran atau kemahiran. Sekiranya mereka ditukar sesuka hati kepada Jabatan lain, jadi kita akan kehilangan kemahiran mereka, seumpamanya Encik Abdullah dia'adalah seorang anggota Parlimen, dia telah pun mendapat latihan yang cukup, dan sekiranya beliau itu ditukar ke tempat yang lain, mungkin ada perselisihan faham dengan Tuan Yang di-Pertua ataupun dengan Menteri, jadi kita akan hilang seorang kakitangan yang pakar.

Saya merayu, bukan saya menentang, saya merayu kepada menteri supaya apabila kita melaksanakan undang-undang ini, kita harus menjaga maruah Parlimen di mana orang-orang luar mengatakan bahawa Parlimen ini tidak autonomous. Mengapa pegawai-pegawai ataupun anggota Perkhidmatan Parlimen perlu diletakkan di bawah jagaan Perkhidmatan Awam itu? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu penjelasan yang cukup bukan sahaja kepada Barisan Nasional, tetapi kepada orang-orang yang sentiasa memutarbelitkan polisi-polisi Kerajaan. Apabila mereka berdamping dengan orang ramai mereka kata, tengoklah Kerajaan ini tidak autonomous, memanglah orang ramai tidak semuanya berpelajaran tinggi, hendak memahami undang-undang itu. Walaupun kandungan rang undang-undang baik, tetapi apabila mereka berhadapan di Kok Lanas ataupun di Bandar Kuala Lumpur, dengan hujah-hujahnya, dengan ucapan-ucapannya dia boleh memutarbelitkan niat kerajaan kita yang suci-murni dan baik ini.

Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menggunakan mass media kita, RTM, Jabatan Penerangan

dan lain-lain mass media elektronik ataupun printed mass media supaya kita benar-benar dapat memberi penjelasan di mana Parlimen ini masih lagi autonomous. Yang menentukan, yang menggubalkan undang-undang adalah Ahli-ahli Parlimen, bukan pegawai kerajaan atau kakitangan kerajaan. Ini benar-benar kita harus memberikan penerangan, maklumat yang tepat kepada orang ramai supaya janganlah parti-parti yang menentang kita ini sentiasa mencari fasal, dia hendak mencari satu lubang di mana dia boleh memburuk-burukkan kerajaan kita. Mereka ini dengan cara macam mana pun kalau pergi keluar negeri dengan bantuan kerajaan, Ahli Parlimen Pembangkang dia dapat tiket daripada kerajaan, sara hidup daripada Kerajaan, duduk hotel Kerajaan, tetapi memburuk-burukkan kerajaan di sana, dia mengatakan ini undang-undang salah, ini undang-undang tidak baik. Jadi orang-orang macam ini kita kena berikan maklumat yang cukup. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Menteri dapatlah memberikan satu penerangan yang lanjut mengenai rang undang-undang ini apabila beliau menjawab.

Apabila rang undang-undang ini telah diluluskan saya berharap di dalam 12 Kerusi Parlimen, DAP, PAS dan S. 46 jangan bertanding kerana mereka tidak mahu menyokong kerajaan, dia tidak mengundi bermakna tidak menyokong, kalau boleh kita menang tanpa bertanding. Pada hari penamaan calon Tuan Yang di-Pertua, mereka akan membawa kertas nomination form, dia bercakap satu dan buat satu. Kalau kita hendak bentangkan perkara kenaikan gaji itu mereka tidak mahu terima, tetapi setelah mendapat suara yang lebih daripada Barisan Nasional, dia kata 'oh! dia terima, jadi saya pun terima'. Inilah alasan dia.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan ini untuk menambahkan sebanyak 12 Kerusi itu adalah baik, dari segi

pengundi-pengundi telah bertambah daripada 5 juta ke 7.8 juta. Ini menunjukkan 2.8 juta pengundi telah pun bertambah. Oleh sebab itu saya bagi pihak parti MIC dan seluruh Ahli-ahli Dewan Negara dari MIC menyokong penuh Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

3.48ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian membahas rang undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan di Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya berucap panjang, saya suka menyatakan rasa terima kasih yang amat sangat kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Dewan Negara yang telah memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang saya menjadi Ahli Dewan Negara kira-kira selama 6 tahun, dan pada petang ini adalah petang yang akhir saya berada di Dewan ini. Walau bagaimanapun insya-Allah saya tidak akan lupa segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan daripada Tuan Yang di-Pertua dan pegawai-pegawai serta kakitangan Ahli Dewan Negara serla kawan-kawan seperjuangan dengan saya. .

Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru Mengangkat Sumpah sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sebut menyokong sebelum saya komen rang undang-undang ini, kerana

saya rasa sangat dukacita apa yang tercatat di dalam rang undang-undang ini agak ada sedikit rasa keliru kepada saya.

Saya boleh terima pindaan fasal 46 ini kerana ia seolah-olah membuka pintu kepada sebuah rumah untuk dimasuki oleh penghuni rumah yang akan datang.

Maksud saya, selagi undang-undang ini tidak dipinda maka pihak SPR tidak layak membuat laporan kepada Kerajaan. Ini telah ditegaskan oleh Menteri Undang-undang apabila ditanya setakat manakah hak yang bebas kepada SPR bagi melaporkan kepada Kerajaan bagi meminda kawasan dan sempadan pilihanraya. Jawabnya tidak dapat berbuat apa-apa melainkan undang-undang ini telah dipinda. Dengan sebab itulah saya sifatkan bahawa undang-undang ini sebagai buka pintu untuk pegawai SPR masuk ke dalam. Jadi dengan sebab itu saya tidak berani dulu hendak kata sokong pada peringkat permulaan ini dan boleh jadi saya bangkang. Sebab Akta ini dipinda tidak berasas kepada keadilan dan tidak berasas kepada fakta-fakta yang sebenar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan, pertambahan penduduk dan pengundi di negara kita ini kira-kira 31%. Daripada 5 juta pengundi kepada 7.8 juta pengundi. Apakah pengundi sebanyak ini tidak melibatkan pertambahan pengundi kepada negeri-negeri yang tidak termasuk pertambahan Ahli-ahli Parlimen, khususnya negeri Terengganu. Dan apakah ini kuasa yang ada kepada Kerajaan Persekutuan, dan apakah ini ada kuasa kepada SPR atau kuasa ini dimonopoli oleh pucuk pimpinan negeri lebih dahulu atau awal-awal lagi menentukan bahawa kawasan ini tidak perlu ditambah? Tiga soalan ini. Apakah ada kuasa kepada Kerajaan Persekutuan secara langsung yang tidak boleh diganggu-gugat oleh Kerajaan

Negeri bagi menambah bilangan Ahli-ahli Parlimen? Atau kuasa ini terus-menerus secara bebas dan merdeka diberi kepada SPR dengan tidak dicampur tangan oleh pihak kerajaan lebih dahulu? Ini persoalan, saya minta Menteri yang berkenaan menjawab. Sebab saya bercakap sedemikian, tempoh pembahagian pengubahsuaian ini memakan masa selama 8 tahun. Apakah dalam tempoh selama 8 tahun ini negeri-negeri yang tidak terlibat ini tidak pandai bikin anak? Tidak pandai menambah bilangan penduduk? Apakah fakta ini tidak diambil kira? Apakah rancangan banci kerajaan 1990 diketepikan begitu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan suka saya nyatakan satu contoh. Antara kawasan Parlimen Kuala Terengganu dan Marang, pengundi setakat ini 140,000. Apabila menjelang pilihanraya 1995 dijangka pengundinya akan bertambah menjadi 150,000 dalam tempoh hanya hampir 2 tahun. Bagaimana keadaan ini berlaku setelah 8 tahun kemudian. Kemungkinan pertambahan pengundi lebih daripada 15,000 hingga 20,000. Apakah tidak layak dua kawasan Parlimen ini dijadikan tiga?

Contoh atau misalan. Seperti juga kawasan Parlimen Dungun dan Kemaman, pengundi hari ini meningkat hampir 130,000 hingga 140,000 juga. Dengan pertambahan FELDA, FELCRA dan RISDA kemungkinan menjelang pilihanraya 1995 pengundi di dua kawasan ini akan menjadi hampir 160,000. Apakah tidak layak kalau difikirkan satu-satu kawasan pilihanraya Parlimen yang kadar pengundinya dijangka antara 40,000 hingga 50,000. Bermaknalah di kawasan ini perlu diambil kira supaya ditambah kerusi Parlimen itu lagi.

Suka saya menarik perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri. dan saya akui bahawa pertambahan ini melibatkan kewangan negara. Saya akui. Apakah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri umpamanya Negeri Terengganu kalau ditambah Ahli Dewannya lagi dia tidak mampu membayar gaji dengan hasil minyak hampir \$500 juta setahun dan tidak termasuk hasil-hasil lain. Maka alasan ini saya tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui dari dulu sehingga sekarang kalau pegawai-pegawai kerajaan bertambah dari satu tahun ke satu tahun maka adalah wajar Ahli-ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri juga perlu ditambah. Dan karenah rakyat dari satu masa ke satu masa bermacam-macam. Lepas satu, satu; lepas satu, satu. Adalah tidak munasabah seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri menjaga, menyelia muslihat rakyat sehingga kawasannya melebihi 100,000 pengundi. Saya tidak yakin seorang Wakil Rakyat ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah yang timbul, apa lagi kita sekarang ini sedang menghadapi era 2020.

Dengan sebab itu, saya berharap pihak kerajaan mengambil kira dan mengkaji semula kedudukannya yang sebenar.

Tuari Yang di-Pertua, negara kita ini banyak parti-parti politik yang boleh dikatakan tidak sebulu dengan Kerajaan Barisan Nasional. Apakah kemungkinan akan berlaku parti-parti kiri di dalam negara kita ini akan membuat angkara sama ada angkara ini datang dari luar negara atau dalam negara. Maka dengan sebab itulah bilangan dua pertiga di dalam Parlimen ini perlu dikaji semula.

Saya berasa gerun baru-baru ini setelah dimaklum oleh seorang Menteri apabila mengundi untuk meminda Perlembagaan ini minimumnya 120 tibatiba lebih undinya satu sahaja, menjadi 121. Apakah kita tidak takut keadaan ini

akan berlaku dalam tempoh 8, 10, 20 tahun akan datang sehingga menjelang tahun 2020.

Jadi, sekali lagi saya berharap Kerajaan Persekutuan harus menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri yang kalau ada telah menggunakan kuasa vetonya. Ada negeri-negeri tidak memberitahu kepada ahli-ahli parti malah Wakil-wakil Rakyatnya apabila dia hendak memberitahu ke peringkat Persekutuan terutama sekali dalam MT bahawa negerinya perlu ditambah. Malah ada yang mengatakan negeri kami tidak perlu ditambah, Untuk menjaga muslihat parti dan Kerajaan Barisan Nasional, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan menggunakan segala kewibawaannya, bagi memastikan keadaan terutama sekali keadaan Melayu seperti negeri Terengganu ini dan juga negeri-negeri lain.

Saya sangat bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Datuk Ng Peng Hay dari Melaka kerana bilangan pengundi di Kota Melaka juga begitu besar. Dan saya juga menarik perhatian Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, malangnya dia tidak ada di sini. Dia menyokong separuh sahaja bahawa negeri Terengganu perlu diadakan pertambahan bilangan, tetapi pada saat akhirnya dia menyatakan bahawa Terengganu tidak ada pertambahan penduduk. Saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan bahawa orang di negeri Terengganu juga ada "jantan" dan "lelaki"nya. Dan ada Wakil-wakil Rakyatnya termasuk Ahli Dewan Negara "double barrel", dengan izin. Maknanya tambah isteri lebih daripada satu untuk memperbanyakkan bilangan rakyat yang akan menjadi pengundi dan mengundi kepada calon Barisan Nasional. Dia tidak duduk sahaja, dia ada kerja.

Jadi, saya menolak dakwaan bahawa kalau ada orang yang mengatakan bahawa pertambahan penduduk negeri Terengganu tidak banyak maka beliau itu tidak mengetahui dengan sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga rasa sangat kempunan atas kejadian ini demi keadilan kerana untuk menunggu tempoh lapan tahun sangat lama. Apabila kita adakan penambahan yang melibatkan negeri-negeri ini, ada lagi negeri-negeri yang tidak disebut dalam Akta ini, bukan sahaja negeri Terengganu, malah negeri Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan. Kalau ini tidak diambil kira dan diatur daripada sekarang, maka saya yakin keadaan ini akan menemui satu jalan buntu di peringkat negeri. Penyakit ini akan timbul, terutama sekali di negeri Terengganu, kerana kalau kita tambahkan bilangan Ahli-ahli Parlimen, tidak dapat tidak kemungkinan Ahli-ahli Dewan negerinya akan bertambah. Kalau tidak bertambah, kubu parti lawan tidak dapat dipecahkan.

Adalah bercanggah sama sekali kalau ada orang mengatakan kalau Ahli Parlimen dan Negeri ditambah, maka kekuatan parti lawan bertambah, adalah tidak betul. Parti lawan cukup takut dengan perubahan yang sedang berlaku ini. Dengan sebab itulah parti lawan tidak merestuinnya dan membuat bangkangan sekuat-kuatnya pertambahan bilangan kerusi-kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Bukan alasan lain, tetapi alasan kekuatan yang ada pada parti lawan terutama sekali PAS di Terengganu dalam keadaan yang begitu menakutkan.

Dengan sebab itulah PAS telah menggunakan satu daya usaha dengan penuh diplomasi supaya Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu tidak menambah bilangan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri kerana kubunya telah pecah. Dengan sebab itu Kerajaan Persekutuan sebagai bapak induk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, harus memikirkan ini bagi keselamatan, kemenangan dan keutuhan Kerajaan-kerajaan Negeri terutama sekali di negeri Terengganu.

Mengenai dengan pindaan Fasal 65 Akta Parlimen ini - Kakitangan Parlimen - saya tidak mahu mengikat pandangan, perasaan dan hati budi yang ada dalam diri saya. Sama sekali saya rasa tidak sesuai, sebab, kalau pegawai-pegawai ini dijadikan pegawai awam di bawah JPA, seperti mana yang disebutkan oleh Tuan C. Krishnan tadi, sedang-sedang enak pegawai-pegawai ini bekerja di Dewan ini, dia ingin bertukar ke negeri lain, kerana orang di Semenanjung ini tidak kurang ingin berkahwin dengan orang Sarawak. Orang Semenanjung tidak kurang ingin berkahwin dengan orang Sabah dan isteri dia tidak boleh datang ke Semenanjung kerana ibu bapa dia sudah tua. Mahu tidak mahu dia minta "abangnya" - si suami, mengikut dia tinggal di Sabah. Waktu itu pegawai ini ditugaskan di Parlimen dan kerajaan dengan budibicara yang baik telah menukarkan pegawai ini ke negeri Sabah dan Sarawak, kerana negeri Sabah dan Sarawak ini tertakluk di bawah peraturan JPA yang sama. Maknanya, tergendalalah, sebagaimana yang disebutkan oleh Tuan C. Krishnan tadi, kepakaran yang kita harapkan daripada pegawai yang berkenaan ini terbantut.

Sudah menjadi adat dan peraturan pegawai-pegawai Kerajaan, barangkali jarang pegawai-pegawai yang bekerja di satu-satu jabatan itu lebih daripada lima atau sepuluh tahun. Sama. ada kerajaan mahukan mereka bekerja di tempat lain ataupun mereka naik bosan bekerja di satu-satu jabatan dan minta tukar ke lain jabatan. Pada waktu ini apa akan jadi dan tidak nampaklah kewibawaan Parlimen itu sendiri yang ianya ada pegawai yang tidak terikat dengan mana-mana badan melainkan dengan Peraturan Parlimen itu sendiri. Apakah dalam tempoh 29 tahun, orang yang mengilhamkan, mengideakan dan meminda undang-undang ini tidak nampak pada waktu itu? Ataupun orang

itu belum lahir? Dan kalau dia lahir pun, umuraya baru setahun jagung dan sekarang ini baru dia nampak. Apakah pegawai-pegawai tinggi zaman dahulu, dalam tempoh 29 tahun itu tidak nampak untung-rugi, baik-buruknya apa yang sedang dibuat oleh Peraturan Parlimen yang sedia ada? Ini yang menghairankan kita, terutama sekali menghairankan saya. Saya takut ada di antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan sama ada di Parlimen atau di tempat lain, telah mensabotajkan keadaan yang sebenarnya demi dirinya, saudaranya ataupun membalas dendam kepada mereka yang berkhidmat dengan Parlimen ini. Kalau ini niatnya, dia akan dilaknat oleh Allah s.w.t. Saya bimbang itu, Kalau niatnya ikhlas, nawaitunya baik demi kepentingan untuk lebih baik lagi perjalanan pentadbiran Parlimen ini, saya berdoa mudah-mudahan orang itu dilanjutkan usianya. Kalau niat buruk, saya berdoa mudah-mudahan Tuhan akan musnahkan mereka daripada bumi Allah s.w.t. ini. Saya tidak mahu menyebut mereka mengkhianat. Kita takut ada, kerana dalam suasana negara yang sedang menuju ke arah yang maju ini, banyak mereka menunjukkan mengada-ada, memandai-mandai, kononnya mereka lebih baik daripada orang lain.

Pada hemat saya, dalam hati kecil saya, kerajaan juga mengambil kira dan kalau boleh kekalkan dengan sistem yang lama. Apabila saya sebut kekalkan dengan sistem yang lama, bukan bermakna saya tidak menyokong dan menuduh sistem yang baru ini tidak baik. Pada hemat saya maruah Parlimen itu sendiri telah terjejas, kerana dahulu kita junjung Parlimen. Apabila kita sebut sahaja Parlimen, ada tiga perkara. Pertama, Agong; kedua, Dewan Rakyat; dan ketiga Dewan Negara, baru boleh dipanggil Parlimen - ini saya diberitahu. Kalau tidak cukup tiga syarat ini, Parlimen tidak dipanggil. Kalau pegawai

dan kakitangan Parlimen ini berada di bawah JPA, apakah JPA akan dipanggil PARLIMEN, dalam takrif undang-undang ataupun takrif budaya? Saya minta menteri berkenaan ataupun sesiapa sahaja menerangkan kepada saya. Apakah sebabnya dan apakah maknanya yang disebut Parlimen. Apakah faktor yang ada di dalam itu? Saya telah diberitahu sejak dahulu lagi, apabila disebut perkataan "Parlimen", mesti ada tiga perkara ini. Yang pertama, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong; kedua, Dewan Rakyat; dan yang ketiga; Dewan Negara, baru boleh dipanggil Parlimen. Kalau kakitangan dan pegawainya berada di bawah JPA, bererti Parlimen itu sudah terjejas kewibawaannya. Dengan sebab itu saya minta kerajaan mengkaji semula, walaupun undang-undang ini akan diluluskan pada petang ini.

Dengan itu, Tuan yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dengan bersyarat. Syarat yang pertama sekali ialah, hapuskan perkataan "negeri-negeri" - hendaklah disebut, pindaan Perlembagaan ini merangkumi seluruh Semenanjung Tanah Melayu". Tidak mahu disebut, ". . . negeri ini ditambah, negeri ini ditambah dan negeri ini tidak ditambah...." Apabila disebut seluruh Semenanjung Tanah Melayu, terpulanglah kepada kebebasan SPR yang kita agung-agungkan itu memastikan bahawa di tempat mana yang hairus diubahsuai persempadanan dan pertambahannya.

Kalau disebut di negeri-negeri bermakna kita telah menentukanlah yang SPR tidak layak lagi campur tangan untuk meminda, menambah di negeri-negeri yang terlibat seperti Perak, Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Jadi, kebebasan ini harus dikembalikan demi menunjukkan inilah keadilan dan inilah demoktasi yang tulen. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Nazri.

4.11 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk menyertai dalam hujah perdebatan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), dan saya ingin menyatakan iaitu saya berdiri untuk menyokong rang undang-undang ini dan tidak perlu diadakan kajian semula, kerana sepertimana kita semua sedia maklum sudah tentulah apabila rang undang-undang ini disediakan, maka ianya sudahpun dibincang oleh pegawai kerajaan dan telah memastikan bahawa memang pindaan ini ada keperluannya, dan sudah tentulah harus mendapat sokongan daripada penyokong-penyokong kerajaan.

Dalam hal ini, saya ingin berbincang pertamanya berkenaan dengan Seksyen 65, sebab Seksyen 46 ini biarlah dahulu. Sebab selalu sangat sebut 46, kalau kita sokong, ingat sokong Parti 46 pula. Jadi, mengenai soal Seksyen 65 di mana Perkhidmatan Parlimen sekarang ini akan diletakkan di bawah JPA, saya menyokong kuat usaha yang dikehendaki dalam rang undang-undang ini, kerana saya tahu bahawa sememangnya kalau Parliamentary Service ini diperluaskan dan tidak dijadikan sebagai close service, bermakna bahawa pegawai-pegawai yang akan dipilih untuk duduk dalam satu service yang tidak close itu, bermakna pilihan yang lebih ramai. Apabila pilihannya lebih ramai, bermakna tjdak akan berlakulah satu suasana yang mana akan berada dalam satu close service itu apa yang dikatakan, dengan izin, dead wood, atau mereka yang tidak tahu bahawa ia tidak akan ke mana-mana, ia akan duduk di situ, dan mungkin kadang-kala kita

sebagai manusia biasa, walaupun orang kata duduk satu tempat itu menambah kepakaran kita, tetapi boleh juga mewujudkan kebosanan terhadap diri kita sendiri.

Saya mengatakan itu bahawa saya menyokong supaya Perkhidmatan Parlimen ini dibuka sebagai open service di bawah JPA, kerana tidak berbeza dengan judiciary, iaitu perkhidmatan dalam Kehakiman. Perkhidmatan dalam Kehakiman memerlukan pengkhususan ilmu. Kalau kita hendak menjadi seorang hakim, bermakna kita harus lulus peperiksaan undang-undang di institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan. Sebab itu di dalam Kehakiman, servisnya bolehlah close kerana ada pengkhususan. Tetapi daripada apa yang saya lihat Parliamentary Service di dalam negara kita tidak memerlukan satu pengkhususan. Jadi, apabila ia tidak memerlukan satu pengkhususan dalam satu bidang, bermakna ia boleh open. Melainkan kalau sesiapa hendak berkhidmat di bawah Perkhidmatan Parlimen ini memerlukan kelulusan dalam satu peperiksaan yang khusus yang berkaitan dengan Parlimen, mungkin di situ ada pengkhususan, dan memang sepatutnya dijadikan close service. Tetapi oleh kerana Perkhidmatan Parlimen ini tidaklah memerlukan kepada satu pengkhususan di dalam keilmuan, dan saya rasa iaitu jawatan sepertimana telah disebut oleh Menteri sebentar tadi, iaitu jawatan-jawatan dan kerja-kerja Perkhidmatan Parlimen ini merupakan Urusetia. Dan soal keurusetiaan ini, bukanlah suatu perkara yang ada pengkhususan, ianya boleh diberi khidmat oleh orang ramai daripada pegawai kerajaan dan JPA pun pada bila-bila masa duduk di sini. Saya menekankan bahawa tidak ada pengkhususan di dalam soal hendak menjalankan keurusetiaan Parlimen, kerana perkara ini boleh didapati menerusi pengalaman. Dan sesiapa juga

yang kita hantar duduk di sini, maka dia juga dalam masa yang lama akan dapat kepakaran itu. Jadi, oleh kerana itulah ini satu daripada faktor mengapa saya mengatakan bahawa Perkhidmatan Parlimen ini tidak perlu dijadikan close service, tetapi haruslah di bawah JPA.

Sepertimana yang telah saya sebut lebih awal tadi, walaupun ada hujah yang mengatakan bahawa lama duduk dalam satu tempat itu mendatangkan kepakaran, tetapi saya juga ingin menyatakan, lama duduk dalam satu tempat itu juga akan mendatangkan kebosanan, 'bored', dengan izin. Jadi, bila dia sudah bored duduk dalam close service, dalam close service pun kenaikan pangkat juga agak terhad, maka masing-masing hanya duduk dan inisiatif mungkin kurang. Saya mengatakan perkara ini bukan saya hendak mencerminkan bahawa perkhidmatan sekarang ini tidak memuaskan, tidak. Bukan tujuan saya mengatakan ini untuk mencerminkan bahawa saya kurang puas hati dengan perkhidmatan yang ada sekarang. Cuma kita bercakap secara akademik, dan satu perkara yang praktikal juga yang kita bincangkan. Dan sebab itu saya menyokong apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk meletakkan Perkhidmatan Parlimen ini di bawah JPA adalah satu usaha yang tepat, kena pada masanya untuk kita melicinkan lagi perjalanan pentadbiran di dalam Parlimen. Jangan sesiapa di sini ingin menyatakan bahawa tidak perlu kepada improvement. Saya rasa saya sebagai peguam atau apakah, selagi umur saya ada, selagi itu saya perlu belajar untuk, dengan izin, improve myself. Saya tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi saya sekarang, kerana kalau seorang itu cukup puas hati dengan prestasi yang dia ada sekarang, bermakna pertamanya dia berasa dia, sudah baik, dia tidak perlu improvement lagi. Jadi, kepada saya, usaha Kerajaan untuk meletakkan

Perkhidmatan Parlimen ini di bawah JPA bukan satu perkara yang mencerminkan tidak puas hati dengan apa yang sedang berlaku di dalam Perkhidmatan Parlimen sekarang, tetapi ialah untuk improvement. Semua orang perlu improvement. Tidak ada siapa yang boleh mengatakan kita sudah capai tahap oemerlang, tidak ada improvement selepas itu. Kalau orang macam ini bermakna kalau dia rasa dia sudah terlalu cemerlang, tidak ada improvement lagi, bermakna dia statik. Dia tidak akan improve, dia tidak akan grow. Jadi, ini penting supaya mengelak daripada orang mengatakan seolah-olah perkara ini dibawa semata-mata kerana tidak puas hati, dendam atau apa-apalah seperti yang disebut oleh beberapa orang di luar Parlimen ataupun di dalam Parlimen.

Dalam soal Seksyen 65 ini, satu perkara yang sentiasa dan selalu disebut ialah bahawa kita faham dalam Kerajaan ataupun dalam sesebuah negara, the rule of the separation of powers, di antara tiga, iaitu Legislative, Executive dan juga Judiciary. Maka ada yang mengatakan bahawa kalau sekiranya pekerja-pekerja Perkhidmatan Parlimen ini diletak di bawah JPA, maka ini akan mengelabui garisan di antara Legislative dengan Executive. Saya menolak dakwaan itu, sebab saya ingin bertanya apakah di dalam soal Parlimen ini, the King, Senate and Dewan Rakyat, siapakah Senate itu. Apakah Senate itu berfungsi apabila Perkhidmatan Parlimen itu ada, ataupun mesti ada Senator, baru ada Parlimen. Begitu juga dengan Ahli Dewan Rakyat, kalau kita tidak ada pilihanraya, tidak ada wakil rakyat, apakah Parlimen itu boleh membuat keputusan.

Perkhidmatan Parlimen ada tetapi Ahli Dewan Rakyat tidak ada. Maka apakah Perkhidmatan Parlimen itu berkuasa, untuk meluluskan sesuatu

undang-undang? Pada pandangan saya, ia tidak berkuasa, Jadi, kalau kita bercakap tentang kuasa, pembahagian tiga kuasa (three separation of powers - Executive, Legislative and Judiciary), dalam soal Legislative yang berkuasa ialah Ahli Dewan Rakyat, bukan Perkhidmatan Parlimen. Jadi, kalau ada orang berkata sekiranya Perkhidmatan Parlimen diletak di bawah JPA maka akan kelabuilah kuasa di antara Legislative dan Executive, saya ingat ini satu dakwaan yang tidak benar sebab pegawai-pegawai Perkhidmatan Parlimen tidak ada kuasa. Mereka hanya merupakan kakitangan urusetia. Itu sahaja.

Perkhidmatan Parlimen tidak boleh membuat keputusan bagi pihak Senator dalam Dewan Negara. Perkhidmatan Parlimen tidak boleh buat keputusan bagi pihak Ahli Dewan Rakyat dalam Dewan Parlimen. Jadi, di mana yang dikatakan kalau diletakkan Perkhidmatan Parlimen di bawah JPA maka akan kuranglah kuasa ataupun kelabuilah kuasa di antara Executive dengan Legislative walhal Perkhidmatan Parlimen tidak pernah diberi kuasa untuk membuat apa-apa keputusan bagi pihak Senator ataupun juga bagi pihak Ahli Dewan Rakyat. Jadi, tidak berbangkit soal kelabui "separation of powers" kalau letak pegawai-pegawai Perkhidmatan Parlimen di bawah JPA maka kuasa itu.....

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri. Yang mengelabui ini, siapa orangnya dan pada pendapat Yang Berhormat, macam mana hendak beri terang orang-orang yang kelabu ini?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang kelabu ini ialah pertamanya Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang tidak faham tentang "separation of powers" tetapi hendak bercakap tentang "separation of powers". Ini masalahnya. Saya peguam, saya tahu. Presiden Dewan ini seorang peguam, faham apa yang saya cakap. Jadi, ini yang menjadi masalah Pembangkang suka bercakap, bangun, berdiri bercakap dan tidak faham pun menentang. Cakap apa sahaja, orang cakap "separation of powers", dia pun cakap "separation of powers" tanpa memahami apakah maksud "separation of powers" ini. Ini Pembangkanglah. Tetapi kepada kita, penyokong-penyokong kerajaan, kita faham. Perkhidmatan Parlimen seperti yang saya sudah sebutkan sebentar tadi memang daripada awalnya tidak pernah diberi kuasa dan kita faham dan tahu iaitu kuasa sebenarnya adalah terdiri di kalangan Ahli Dewan Rakyat dan juga Senator.

Hari ini kita hendak buat keputusan dan saya hendak tanya. Apabila hendak undi nanti, apakah kita perlu kepada persetujuan daripada Perkhidmatan Parlimen? Tidak! Perlu kepada undi saya dan rakan-rakan saya. Bermakna apabila kita bercakap tentang kuasa, bermakna kuasa itu terletak kepada Ahli Dewan Rakyat dan juga Senator. Jadi, tidak berbangkit soal itu.

Saya baca akhbar apabila perkara ini dibentangkan di dalam Dewan Rakyat maka mulalah orang bercakap tentang "the separation of powers" mengelabui di antara Executive dengan Legislative semata-mata kerana perkhidmatan Parlimen hendak diletakkan di bawah JPA. Saya menolak dakwaan ini, tidak benar dan tidak boleh diterima sebagai satu hujah untuk menunjukkan bahawa pindaan kepada Seksyen 65 ini adalah

satu pindaan yang tidak baik, ia memang baik. Memang betul iaitu 29 tahun dahulu, diadakan undang-undang ini. Memang pada ketika itu, rang undang-undang ini rang undang-undang manusia. Kalau tidak, kita tidak usah bersidanglah sebab kalau sekali 30 tahun dahulu kita sudah buat rang undang-undang sampai sekarang tidak perlu ditukar, tidak usah tukar, tidak usah bersidang. Tetapi kita tahu bahawa rang undang-undang ini bertukar tahun demi tahun. Keperluan 30 tahun dahulu mungkin tidak sesuai sekarang. Keperluan 20 tahun dahulu tidak sesuai sekarang. Ada perkara yang dahulu wujud, sekarang sudah tidak wujud. Jadi, kita tidak boleh bangkitkan soal mengatakan seolah-olah apa yang difikirkan dahulu, kita sekarang hendak pinda, tidak boleh pinda kerana adakah yang dahulu itu tidak betul sekarang ini kita hendak pinda.

Saya berucap pada hari ini, mungkin 30 tahun daripada sekarang, ada Senator baru tukar apa yang kita bincangkan pada hari ini. Kenapa apa? Undang-undang itu hidup. Ia wujud, ia tidak statik. Ia bergerak tahun demi tahun mengikut keperluan tahun yang berkenaan. Jadi, kita tidak boleh terikat dengan keputusan yang kita sudah buat 30 tahun dahulu dan juga kita tidak akan mengikat generasi yang akan datang, 30 tahun daripada sekarang dengan apa yang kita putuskan pada hari ini. Barulah orang kata ada improvement dan barulah ada orang kata undang-undang ini baik dengan suasana dan keadaan semasa pada ketika itu. Dan oleh kerana itulah, saya menyatakan bahawa Seksyen 65 ini, saya sokong dan mesti ditukar.

Soal Executive dengan Legislative ini memang kalau tanpa pertukaran pindaan Perlembagaan itu memang ada kelabuinya sebab Executive itu kerajaan. Siapa yang mewujudkan, siapa yang membentuk kerajaan? Yang membentuk kerajaan ialah parti yang mendapat

majoriti dalam Dewan Rakyat. Sudah tentulah Ahli Dewan Rakyat yang ramai yang membentuk Kerajaan, memang ada kelabui di antara Legislative dan juga Executive kerana ini biasa. Sebab kita memutuskan bahawa mereka yang mendapat majoriti besar dalam Parlimen, merekalah yang membentuk kerajaan. Maka tidak hairanlah kita kalau di antara Legislative yang mana majoriti itu akan menubuhkan sebuah kerajaan dengan Executive itu memang ada kelabui power dan memang di mana-mana juga di Great Britainkah atau di mana juga, siapa yang menang legislative banyak kerusi, dia akan jadi Executive. Jadi, ini bukan satu perkara baru yang kita hendak katakan bahawa ada pengkelabuan garisan dalam kuasa di antara Executive dengan Legislative. Memang di mana-mana pun, undang-undang "separation of powers", majoriti dalam Legislative akan jadi Executive, dengan izin, so there is no question yang mengatakan bahawa there is a greyline between the Legislative and Executive. It will remain a greyline forever sebab memang di mana-mana juga, itulah demokrasi, siapa dapat majoriti maka dialah yang menubuhkan Kerajaan. Maka sudah tentulah Legislative itu akan menguasai Executive dan sudah tentulah garisan di antara Legislative dengan Executive tidak wujud ataupun kelabu sepertimana yang didakwakan oleh setengah pihak. Memang benar! Ini bukan di Malaysia sahaja, di mana-mana juga. Negara demokrasi, di mana-mana

Jadi dalam hal ini, pindaan kepada Seksyen 65 ini, saya sokong dan tidak perlu untuk dikaji semula kerana untuk kebaikan pentadbiran Parlimen itu sendiri, memang patut dan wajar supaya ianya diletakkan. di bawah suatu perkhidmatan seperti yang ada di sini iaitu JPA dah tidak harus diteruskan sebagai satu 'close service' buat selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah seksyen mengenai penambahan kerusi daripada 180 hendak ditambahkan 12 kerusi kepada 192. Saya sebagai penyokong kerajaan ingin menyatakan iaitu kita sokong dan saya minta kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa tidak perlu kaji lagilah. Memang apa yang dilakukan ini ialah satu perkara yang baik dan tidak berbangkit soal SPR itu tidak bebas. SPR bebas! SPR yang menasihatkan kita bahawa kita perlu meminda Perlembagaan untuk menambah 12 kerusi. Kalau tidak, dari mana datangnya 12 kerusi ini kalau SPR tidak menasihatkan kepada kita? Dan kalau orang tanya kepada kita mana datang 12 kerusi ini, SPR yang menentukan kerana daripada jumlah penambahan penduduk, dan kalau kita tanya kepada budak-budak pun dia faham. Kalaulah tahun 1984 dahulu, macam mana Menteri sebutkan 5,598,672 orang pengundi, sekarang ini tahun 1992 sudah ada 7,306,087 orang pengundi. Tanya budak-budak, dia pun tahu. Memang patut tambah 12 kerusi. Ini bukan satu perkara yang susah.

Tetapi masalah di sini SPR bukan Parlimen, hendak tambah kerusi mesti pinda Perlembagaan. Sebab itu, perkara ini terpaksa dibawa kepada parti kerana partilah yang akan memberitahu kepada penyokong-penyokongnya untuk meluluskan rang undang-undang ini sebab yang menguasai Parlimen ialah parti. Jadi, jangan sesiapa bangkitkan soal bahawa SPR tidak bebas' semata-mata kerana dia kata Parlimen terpaksa meluluskan dahulu seolah-olah kerana Kerajaan mencampuri hal ehwal SPR. SPR tidak ada kuasa untuk meminda Perlembagaan. Dan untuk menambahkan kerusi ini perlu kepada pindaan Perlembagaan dan sememangnya dahulu pun kita sudah buat. Dalam tahun 1985 dahulu, kita sudah buat dan kita pinda Perlembagaan untuk menambah

kerusi. Ini bukan perkara baru. Jumlah penduduk, pengundi bertambah dan kerusi pun perlu ditambah.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya merasa hairan macam mana orang mengatakan bahawa kalau kita dengar daripada hujah-hujah yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat, seolah-oleh SPR ini tidak bebas. SPR bebas! Dia menasihatkan kepada kerajaan bahawa Pengundi bertambah. Maka dia menasihatkan kepada kita oleh kerana pengundi bertambah, tolonglah pinda Perlembagaan, tambah 12 kerusi, sebab itu baru kita buat. Selepas ini sesudah kita pinda Perlembagaan tambah 12 kerusi, itu terpulanglah kepada SPR di mana yang dia hendak buat. Tetapi masalah di sini, SPR sudahpun menasihatkan kita bahawa 12 kerusi ini kepada negeri-negeri berkenaan ini diperlukan tambah kerusinya. Itu biasalah. Bukan satu perkara yang harus menjadi satu isu sehinggalah ada yang tidak mahu sokong, itu dan ini.

Saya rasa ini tidak baik. Saya rasa bahawa kerusi mesti ditambah. Sebab apa? Sebab pengundi bertambah dan kita harus memberi representasi yang seluas-luasnya kepada pengundi-pengundi untuk mereka mempunyai wakil di dalam Dewan Rakyat untuk mewakili mereka. Ini perlu dilakukan.

Saya ingat satu perkara yang mungkin menteri tidak sebut di dalam hujah bagi membentangkan penambahan kerusi ini, dia bercakap berdasar dan berasaskan kepada pertambahan penduduk. Saya ingat fakta pertambahan pengundi bukan hanya satu fakta yang menyebabkan kita menambah kerusi. Lagi satu fakta ialah keluasan kawasan. Kadangkala satu kawasan memang ada 90,000 pengundi sebab penduduk dalam satu kawasan itu begitu padat. Kawasannya kecil tetapi pengundi ramai

sebab penduduk padat. Rumah sampai 17 atau 18 tingkat, sudah tentulah ramai. Tetapi di kampung-kampung kawasan luas, kampung-kampung bersepah. Kalau kita hendak kira mungkin seluruh satu negeri itu, kalau hendak dikirakan bahawa tiap-tiap kerusi Parlimen itu mesti ada 90,000 pengundi, Saya ingat setengah-setengah negeri memang tidak ada kerusi Parlimen sebab kawasan negerinya luas dan penduduknya bersepah, hendak cari sampai 90,000 untuk duduk di dalam satu kawasan, jadi berlaku macam di Sabahlah,

Saya dengar kawasan Parlimen Jambangan itu sebesar negeri Pahang sebab terpaksa berbuat demikian kerana penduduk di Sabah itu bersepah. Jadi, sebab itu walaupun besarnya sebesar negeri Pahang tetapi pengundinya baru 30,000 sahaja.

Jadi, selain daripada itu saya ingat macam kes di Terengganu, ada yang berkata bahawa apakah tidak bertambah pengundi di sana. Memang bertambah tetapi mungkin dahulu Terengganu telah diberikan kerusi yang lebih kerana kawasannya luas. Sebab kita tahu negeri Terengganu sebuah negeri yang luas tetapi pengundinya tidak ramai. Jadi, terlebih awal dahulu dia telah diberikan kerusi terlalu banyak. Jadi, walaupun sekarang pengundi bertambah di negeri Terengganu maka tidak perlu dipinda kawasan kerana kawasannya luas, Dahulu sepatutnya dia tidak dapat kerusi Parlimen tetapi dia diberi.

Saya percaya macam di Marang kalau tidak silap saya, dia punya pengundi cuma 20,000 lebih sahaja. Jadi, walaupun bertambah penduduk, katakan kita hendak tambah kerusi lagi sebab dia baru 20,000 sudah dapat satu Parlimen. Memang kita tidak nafikan iaitu bahawa di Terengganu memang bertambah pengundi tetapi pertambahan itu tidaklah sampai untuk mewujudkan satu lagi

kerusi Parlimen kerana kalau kita bendak buka lagi satu kerusi Parlimen di Terengganu, mungkin ada 10,000 sahaja pengundi Parlimen.

Jadi, itu sebab saya kata mungkin kekeliruan ini berlaku kerana apabila kita membentang rang undang-undang ini tadi, kita mengasaskan atau mendasarkan pertambahan kerusi Parlimen itu kepada pertambahan pengundi-pengundi. Tetapi satu perkara yang harus juga kita ambil kira ialah keluasan kawasan. Sebab itu macam di Melaka, ada kawan-kawan kita kata hendak tambah kerusi di Melaka. Memang, tidak boleh tambah sebab Melaka, negeri kecil dan penduduk semua duduk padat. Kalau hendak dibuat bahawa di Kota Melaka itu tiap-tiap 30,000 satu kawasan pilihanraya, saya ingat kawasan pilihanraya itu kecil sangat. Motokar tidak boleh masuk gear dua sudah habis kawasan. Kita kena ambil kira juga keluasan kawasan, Jangan kita ambil kira tambah pengundi, mesti tambah kerusi. Jadi, ini harus kita tekankan juga. Keluasan kawasan itu satu perkara fizikal yang harus diambil kira dalam kita hendak membentuk satu-satu kawasan pilihanraya. Jadi, sebab itu saya rasa kekeliruan ini berlaku kerana kita menekankan pertambahan kerusi Parlimen berasaskan kepada pertambahan pengundi. Saya ingat kalau kita katakan bahawa itu cuma satu fakta sahaja tetapi kita juga harus ambil kira fakta fizikal maka sudah tentu mereka akan memahami mengapa di Terengganu tidak ada pertambahan kerusi Parlimen.

Saya dari negeri Perak, sahabat saya Tuan Zahid pun dari negeri Perak, tidak ada komplek pun apabila negeri Perak tidak dapat kerusi Parlimen sebab kita memahami. Sebab kalau kita komplek seolah-olah kita menunjukkan bahawa SPR ini kita yang menyuruh dia buat. SPR bebas! SPR menasihati kita.

Tuan Haji Abmad Zahid bin Hamidi: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nazri, ada pertanyaan.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Minta Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tuan Nazri ada menyebutkan tentang puas hatinya rakan-rakan dari Perak kerana tidak ada kawasan Parlimen baru. Saya pun sebenarnya berpuas hati. Tetapi apa yang ingin saya persoalkan ialah tentang soal kebebasan dan keadilan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya fikir Datuk Rashid, Setiausaha SPR pun ada di dalam Dewan ini. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Tuan Nazri tuduhan yang mengatakan Kerajaan campurtangan di dalam penentuan operasi dan kaedah SPR ini. Seolah-oleh mereka yang mempertikaikan kebebasan SPR ini adalah mempertikaikan keahlian yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ertinya kalau mereka mempertikaikan Yang di-Pertuan Agong, mereka tidak taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Adakah pendapat Yang Berhormat Tuan Nazri jika Pembangkang yang menjadi ahli SPR, baru mereka merasakan bahawa SPR adil. Apakah pendapat Tuan Nazri?

Timbalan Yang di-Pertua: Itu penjelasan dan soalan sekali, ya. Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang begitulah perangai Pembangkang pun. Dia membangkang, apa juga yang kita buat untuk kepentingan rakyat, dia bangkang. Dia tidak kira, dia bangkang, bangkang dan bangkang. Itu sebab dia Pembangkang. Saya ingat tukar istilah "Pembangkang" ini sebab bila kita panggil dia Pembangkang, dia bangkang - itu kerja dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau hendak tukar, apa istilah baru?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu Tuan Yang di-Pertua tolong cari (*Ketawa*) sebab nanti saya bias pula kalau saya cakap. Apa istilah yang saya beri nanti tidak akan dipersetujui oleh Pembangkang sebab datang dari saya, penyokong kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, Tuan Nazri, saya acah sahaja.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima Kasih.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Kalau susah sangat- hendak mencari istilah baru, saya beri satu istilah sama ada bersetuju atau tidak - hati batu ataupun keras kepala.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya boleh bersetuju tetapi inilah masalahnya. Bila saya berucap, PBS tidak ada, PAS tadi ada, sekarang sudah cabut lari, Semangat 46 tidak ada. Ini masalahnya. Makan gaji buta ambil tiap-tiap bulan. Duduklah dengar apa yang kita hendak cakap sebab apa yang kita bincangkan di sini adalah untuk kita bersama, supaya dia memahami apa yang saya cakap dan bangkanglah nanti.

Ini tidak, dia tidak ada di dalam Dewan, saya bercakap, dia duduk di luar atau di mana, dia tidak mendengar, nanti dia bercakap, dia bangkang saya, bukan" dalam Dewan, bangkang di luar 'gaji buta'.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap menyatakan bahawa memang Suruhanjaya Pilihanraya bebas, dia bukan mengangkat sumpah di hadapan Perdana Menteri, saya tahu. Dia mengangkat sumpah di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong. Apa perlu dia pertikaikan orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, bukan kita lantik dia, jadi, memang dia tidak akan puas hati sehingga kalau kita mungkin membuat keputusan iaitu bahawa Pengerusi SPR atau apakah, mengangkat sumpah di hadapan Nik Aziz ataupun dengan Lim Kit Siang, baru dia puas hati, ini perengai dia.

Saya ingin menyatakan di sini, saya tidak puas hati dengan apa yang dibangkitkan oleh mereka kerana kita buat ini semata-mata untuk kepentingan rakyat, hendak memberi kerusi lebih kerana apa, kerana hendak memberikan kepada rakyat kuasa dan suara yang lebih. Jadi, apa yang menjadi masalahnya. Kalau tidak percaya kepada SPR, hendak percaya kepada siapa lagi. SPR kalau dia berunding dengan Kerajaan, itu biasalah. Dan amalan kita bukan sahaja dia berunding dengan Kerajaan, dengan parti-parti lain pun hendak pergi jumpa, jumpalah. saya percaya kalau tanya kepada Datuk Rashid, PAS atau DAP hendak jumpa, jumpalah, tidak ada masalah sebab dia a political, dia tidak ada minat ataupun mirip kepada mana-mana parti, dia served hanya Suruhanjaya Pilihanraya. Ini kita mesti yakin dan saya percaya pihak Pembangkang pun yakin, kalau tidak tidak yakin, dia tidak akan bertanding dalam pilihanraya. Dan kalaulah saya kata bahawa semua kerusi yang kita pinda ini menguntungkan Barisan Nasional, macammana baru-baru ini PAS, S. 46 boleh menang di negeri Kelantan. Walaupun kita kalah di Kelantan, belum tahu lagi pilihanraya yang akan datang, beri lagi satu kerusi. Tiga kerusi Dewan Undangan Negeri, apa yang tidak adil lagi. Tetapi, kalau kita cakap lebih nanti, 'hot' lah, sebab Pembangkang ini 'kepala batu' macam yang disebut oleh Datuk Haji Azman Atar sebentar tadi.

Macam kata negeri Sabah, ini PBS pun tidak ada, saya minta kalau PBS ada di sini. Saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini kerana kita menyelesaikan masalah kita menerusi pilihanraya, bukan referendum macam mana disebut oleh orang-orang PBS di Sabah. Joseph Pairin Kitingan meluluskan undang-undang tetapi tidak faham undang-undang, cakap tentang referendum, mana ada referendum dalam Perlembagaan Malaysia kita. Sebelum kita hendak bercakap, hendak membuat sesuatu, rujuk dahulu kepada Perlembagaan Malaysia kita supaya apa yang kita anjurkan, apa yang kita sarankan, ianya perkara yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Jadi, apa yang dilakukan oleh Joseph Pairin Kitingan dengan kunci-kunci PBS dalam negeri Sabah pada hari ini hendak meminta referendum, hendak memutuskan sama ada Sabah hendak keluar ataupun tidak daripada Malaysia, itu perkara yang antt-constitutional. Sebab itu saya minta dalam Constituion kita, jika ada mana-mana pihak yang membuat sesuatu yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia kita, sesuatu tindakan harus dan mesti diambil. Dahulu saya telah bercakap 'Citizen Act' ini kita buat, jangan soal hendak mengeluarkan negeri Sabah daripada Malaysia bukan hanya memerlukan kepada keputusan rakyat Sabah sahaja, sama ada Sabah hendak keluar daripada Malaysia ataupun tidak, perlu kepada suara daripada seluruh rakyat Malaysia sama ada kita setuju ataupun tidak Sabah keluar daripada Malaysia. Saya hendak beri amaran kepada Joseph Pairin Kitingan dan kunci-kuncunya, jangan dia berlarutan dalam soal ini, tidak akan wujud sebuah Kerajaan yang hanya boleh wujud di atas perasaan orang marah terhadap Kerajaan Pusat.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya ingin tahu, adakah Pairin ini begitu ghairah hendak membawa

keluar Sabah daripada Malaysia kerana dia tidak dapat hendak masuk dalam Barisan Nasional ataupun kerana ada perkara-perkara lain? Dan kalau kita terima dia masuk dalam Barisan Nasional, adakah agak-agak dia akan melupakan atau tidak hendak membawa Sabah keluar daripada Malaysia ini?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia frust dan tidak puas hati kerana dia tidak dapat masuk Barisan Nasional, sebab kita memang tidak boleh terima dia, bukan budaya di rantau sini 'main belakang' ataupun 'tikam belakang', sebab itu kita tidak boleh menerima dia dalam Barisan Nasional lagi. Dia tikam kita dari belakang, jadi kita tidak akan benarkan dia masuk dalam Barisan Nasional, yang dia marah sangat itu ialah kerana dia tidak dapat masuk dalam Barisan Nasional. Dan dia tahu, kita tidak mahu sebutlah, sebab dia pun - kes sedang berjalan. Jadi, untuk mengelak daripada kes ini berterusan ataupun di atas perasaan dia takut, maka dia terpaksa menyatakan sesuatu untuk menunjukkan bahawa rakyat sokong dia. Dan rakyat akan sokong dia dengan menghidupkan perasaan benci terhadap Kerajaan Pusat. Oleh kerana itu saya rasa, Kerajaan Barisan Nasional ini baik sangat, saya ingat kalau di negeri-negeri lain, soal hendak mengeluarkan satu wilayah daripada satu-satu negara, telah lama dia kena gantung.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Azman Atar bertanya tadi, sudahkah puas hati dengan jawapan itu?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Puas hati, tetapi saya ingin hendak tahu, oleh kerana negara kita belum ada mempunyai undang-undang bertindak kalau sekiranya ada seseorang ataupun mana-mana negeri yang tidak menyokong Kerajaan Pusat, adalah perlu

kita patut wujudkan undang-undang ini, walaupun tidak merupakan undang-undang ISA ataupun kita adakan satu undang-undang khas yang kita namakari 'penderhakaan' - hukumnya gantung sampai mati. Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Macam mana pula dengan tindakan 'tikam dari belakang' itu?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: 'Tikam dari belakang' itu kalau secara 'tikam' main politik itu saya rasa memang itu perkara biasalah, jangan 'tikam' dengan benda lain (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Haji Azman. Kalau Datuk Haji Azman bertanya kepada saya, saya bersetuju, sebab mana-mana negara merdeka sekali pun, tidak akan membenarkan walau seinci tanah keluar daripada kawasan itu, tak usahkan sebesar negeri Sabah, seinci pun kita perang. Sebab itu saya katakan kalau hendak diadakan undang-undang, patut mesti diadakan, sebab kita tidak boleh memberi ini sebagai satu trend, bila hendak menang pilihanraya di negeri sahaja, maka bangkit perasaan hendak berpisah daripada negara Malaysia, sampai bila pun rakyat tidak akan maju.

Sebab itu kita hendak memberi amaran kepada Joseph Pairin Kitingan dan kunci-kuncunya, kita boleh tolerate, dengan izin, parti-parti Pembangkang yang membangkang di dalam rangka undang-undang yang ada di dalam negara kita. Sebab itulah parti S. 46, PAS ini - okaylah, bolehlah hendak bangkang pun. Tetapi kalau dia mencadangkan negeri Kelantan hendak keluar daripada Malaysia, saya ingat Mangkah mayat' Dato' Haji Annuar Musa dahulu. Saya ikut belakang, sebab bukan negeri saya, tetapi saya tidak 'tikam belakang' Yang Berhormat, jangan bimbang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ikut di belakang sahaja.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, memang sepatutnya kita mesti mengadakan undang-undang untuk memastikan supaya jangan ada Pembangkang yang membangkang luar daripada rangka undang-undang kita. Sebab itu kalau PBS benar-benar mahu memikirkan untuk menjadikan satu isu, dia keluar daripada Malaysia, maka bukan dengan membuat referendum, adakan pilihanraya sekali lagi. Kalau PBS dengan kunci-kuncunya menang dalam Pilihanraya Umum, bukan pilihanraya negeri, sebab orang Sabah tidak boleh membuat keputusan sendiri untuk keluar daripada Malaysia, cuma rakyat Malaysia sahaja yang boleh membuat keputusan, sebab itu kalau tidak silap saya, Singapura dahulu hendak keluar

Tuan Johan B.O.T. Ghani:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mohamed Nazri, ada yang ingin bertanya.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan bahawa ada disebut ladi fasal referendum, pungutan suara, memang ada berlaku malahan pada hari ini ada beberapa pihak di Sabah berjalan ke kampung-kampung untuk membuat tinjauan. Oleh sebab ini adalah satu perkara yang paling merbahaya dan serius, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat dan saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya telah menyebut sebentar tadi iaitu kita menyelesaikan masalah menerusi pilihanraya umum. Oleh kerana itu, cara yang lain daripada

pilihanraya umum untuk menyelesaikan masalah iaitu dengan pungutan suara ataupun referendum, itu adalah perbuatan yang bertentangan dengan Pelembagaan. Sebab itu Kerajaan Pusat harus mengambil tindakan terhadap mereka. Sebab ini Perlembagaan Malaysia. Kalau sudah tidak hormat lagi kepada Perlembagaan, hendak hormat kepada apa lagi? Sebab itu saya minta kepada Kerajaan Pusat jangan beri muka kepada PBS ini. Ambil tindakan sekeras-kerasnya, sebab kita tidak akan membenarkan orang hendak kekalkan Kerajaannya dengan membangkitkan perasaan benci kepada Malaysia. Benci kepada saya tidak apa, tetapi jangan benci kepada Malaysia dan saya minta

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, adakah Tuan Nazri bersetuju sekiranya diadakan pungutan suara, kita membuat pungutan suara ini di seluruh negara kita iaitu termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia di mana ini bermakna bahawa negeri Sabah itu dipunyai oleh semua rakyat di negara kita ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh bersetuju dengan cadangan ini, sebab kalau saya bersetuju saya menggalakkan perkara yang bertentangan dengan Pelembagaan. Jadi, referendum ataupun pungutan suara, tidak boleh. Tetapi kalau dijadikan sebagai isu di dalam pilihanraya umum Malaysia, bukan negeri Sabah, yang akan datang, maka semua rakyat Malaysia mesti buat keputusan atas isu itu - itu saya setuju, sebab ianya tidak bertentangan dengan Pelembagaan Malaysia. Jadi, Pairin dengan kunci-kuncunya mesti diberi fahaman sedikit tentang undang-undang negara kita ini. Macam koboi memerintah negeri Sabah, saya minta maaf, UMNO Sabah okay,

tidak ada masalah. Tetapi pemimpin-pemimpin di sana itu macam koboi. Walaupun setengah daripada mereka itu mendapat pendidikan tinggi di luar negeri tetapi memimpin dan mentadbir negeri seolah-olah macam bapak dia punya negeri, hendak beri orang takut kepada Kerajaan Malaysia di atas satu perkara yang tidak pernah wujud. Mana pernah kita anti-Sabah, mana pernah? Tanya Johan O.T. Ghani. Orang Semenanjung tidak pernah anti kepada Sabah, malah sayang, jangan tanya - lelaki lebih sayang kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata ini, bagi menyokong bahawa kalau kita memberi sokongan kepada pindaan Perlembagaan ini untuk menambah 12 lagi kerusi dalam Parlimen, bermakna kita memberi sokongan kepada sistem pilihanraya umum untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi dalam negara kita bukan dengan cara referendum. Sebab itu kita mesti beri satu keputusan yang baik, bukan sahaja dua pertiga, kalau kita ada 56 Senator, biarlah 4 itu tidak sokong, kita beri 52-4. Bagus punya keputusan untuk ditunjukkan kepada rakyat Sabah - rakyat Sabah okay, PBS - bahawa kita tetap teguh kepada sistem menyelesaikan masalah isu-isu dalam negara dengan mengadakan pilihanraya umum dan bukan dengan referendum.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali, memang sudah sokong semua, cuma Puan Kalthom - dia tidak ada di sini pula. Masalahnya, kita sudah dapat Rang Undang-undang ini sudah sebulan lebih dan Tuan Azman sebut, 10 minit boteh baca. Apakah setelah sebulan dapat Rang Undang-undang ini, maka perkara ini tidak pernah dibincangkan dengan pucuk pimpinannya? Lembablah Kerajaan PAS ini, dapat Rang Undang-undang simpan dahulu, bila tanya kepada dia, belum tentu. Apa yang belum tentu?

Orang sudah buat keputusan awal-awal lagi. Kita dapat sahaja ini, kita sudah dapat arahan supaya sokong. Sebab itu saya kata, jangan sokong Kerajaan selain daripada Barisan Nasional, sebab yang lain ini kerjanya, dapat Rang Undang-undang dia pendam di rumah dan tidak boleh buat keputusan, mungkin Tok Guru sibuk tidak boleh hendak bincang benda ini.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya minta penjelasan. Adakah oleh kerana Kerajaan PAS Kelantan sekarang sedang hendak menyediakan rang undang-undang hudud, maka sampai tidak ada masa hendak menyemak rang undang-undang yang kita bahaskan hari ini? Adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju sebab saya ingat rang undang-undang hudud ini mungkin siap 10 tahun daripada sekarang. Tetapi pada ketika itu Barisan Nasional memerintah, insya-Allah. Jadi, memang dia lambat, lembab, Kerajaan lembab. Kerajaan PAS dengan S. 46 memang lembab di Kelantan, sebab itu orang Kelantan sekarang ini ketinggalan di sana - sebab Kerajaan lembab. Itu sebab saya tidak boleh terima kalau Senator daripada PAS menyatakan 'belum tentu', tidak buat keputusan lagi. Kita semua dapat Rang Undang-undang sudah sebulan, 10 minit baca, sudah dapat phone call, kata sokong undang-undang, kita sokong. Jadi, macam mana hendak mewujudkan sebuah Kerajaan, keputusan macam ini pun belum tentu lagi, hendak tunggu last minute. Maknanya dia pun teragak-agak keputusan apa dia hendak buat. Dia sendiri pun tidak faham apa bendanya ini, mungkin. Sebab itulah saya tidak bersetujulah kalau Senator Puan Kalthom jawab tadi 'belum tentu'. Maknanya, Kerajaan lembab, lembablah parti itu. Sebab kita sudah buat keputusan awal-awal lagi.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hujah yang telah saya sampaikan sebentar tadi, saya ingin mengakhiri hujah saya dengan menyatakan bahawa saya sokong Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini dengan menyatakan tidak perlu lagi kaji semula kerana sudah memang, sep rti dia kata sebentar tadi, Rang Undang-Undang ini telah disediakan dengan baik, diperbincang dengan baik dan kita mesti menerima hakikat iaitu bahawa SPR yang menasihatkan kita dan Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah satu Suruhanjaya bebas yang tidak dipengaruhi oleh-mana-mana pihak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Habidah.

4.57 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama dengan rakan-rakan di dalam membahaskan serta menyokong rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah di atas perlantikan kepada tiga orang wanita untuk menduduki kerusi Dewan Negara pada hari ini dan diharapkan di masa-masa yang akan datang berilah peluang yang seumpama ini kepada lebih ramai lagi daripada golongan wanita untuk sama-sama dengan kaum bapa bagi "memberi pandangan, fikiran dan pendapat sesuai dengan ajaran agama Islam kita yang bermaksud: "Bagi kaum lelaki di dalam usaha dan kerja mereka ada bahagian mereka yang tertentu, begitulah juga bagi kaum wanita di dalam usaha dan kerja mereka ada bahagian mereka yang tertentu".

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja berhubung dengan rang undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan ini di-mana penambahan kepada 12 lagi kerusi Parlimen itu memanglah kena pada masanya kerana jumlah pengundi di negeri-negeri tersebut semakin meningkat dan untuk memperseimbangkan serta mempercepatkan proses menyalurkan kemudahan kehidupan dan infrastruktur kepada rakyat dan secara tidak langsung memudahkan wakil rakyat berkenaan untuk menerapkan inspirasi kerajaan terutama Wawasan 2020 yang menjadi tunggak penentu kejayaan negara di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedia maklum pemecahan kawasan-kawasan pilihanraya ini adalah berdasarkan kepada pengundi yang melebihi daripada 47,000 pemilih, tetapi di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Pantai Timur misalnya, disyorkan supaya pemecahan kawasan pilihanraya ini diturunkan angkanya kepada 40,000 sahaja agar tugas wakil rakyat untuk memberi tumpuan kepada masyarakat menjadi lebih berkesan kerana kawasan-kawasan di sebelah Pantai Timur adalah agak luas kalau dibandingkan dengan di sebelah Pantai Barat.

Berkenaan dengan penambahan kawasan ini, saya juga menyokong sebagaimana pendapat Yang Berhormat Mustafa Awang sebentar tadi supaya dibuat secara menyeluruh, bukan hanya kepada beberapa , buah negeri-negeri yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kesal di atas dakwaan parti Pembangkang yang kononnya pemecahan kawasan ini menguntungkan kepada Kerajaan Barisan Nasional sedangkan kita semua sedia maklum bahawa kawasan-kawasan yang baru ini

bebas kepada sesiapa sahaja untuk bertanding hanya terpulung kepada rakyat untuk memilih dan menentukan siapakah wakil mereka. Saya juga merasakan tuduhan-tuduhan yang seumpama ini adalah tuduhan yang tidak berasas dan tidak boleh diterima oleh orang yang berakal waras.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mencadangkan supaya diberi kuasa kepada SPR untuk menambahkan kuasa lagi kepada SPR mengenai dengan pilihanraya sama ada sebelum, semasa atau selepas pilihanraya dan diberi kuasa juga kepada SPR untuk melantik pegawai-pegawai yang tetap bagi mengendalikan sesuatu pilihanraya, tidak seperti sekarang ini di mana dipinjamkan pegawai-pegawai dari berbagai-bagai jenis Jabatan Kerajaan. Untuk itu, misal kata sebuah kawasan Parlimen ataupun Daerah perlulah dilantik dari orang SPR sendiri, bukan daripada D.O. atau Pegawai Daerah seperti yang dibuat sekarang untuk melicin, menyenangkan dan menumpukan tanggungjawab yang sepenuhnya terhadap sesuatu pilihanraya. Bagi maksud itu, bolehlah di peringkat awalnya dilantik daripada pegawai-pegawai Division A yang telah bersara atau dari kalangan pegawai-pegawai Tentera ataupun Polis ataupun orang-orang yang difikirkan sesuai oleh SPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Daftar Pemilih. Disyorkan supaya dibuat sepanjang tahun bagi mereka yang cukup umur mengundi dan bagi mereka yang berpindah alamat. Dengan ini tidaklah mereka tertunggu-tunggu untuk membuat pendaftaran di masa yang ditetapkan oleh SPR seperti yang ada sekarang. Juga disyorkan pendaftaran pemilih itu diedarkan kepada Ketua-ketua Jabatan untuk didaftarkan semua kakitangan dan keluarganya di jabatan masing-masing atau di semua agensi-agensi kerajaan,

badan-badan berkanun, penguasa-penguasa tempatan, kilang-kilang ataupun syarikat swasta. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sistem pentadbiran mengikut tempat tinggal seperti yang ada sekarang tidak begitu sesuai lagi dan cara mengundinya juga bolehlah diadakan di sesebuah Jabatan ataupun syarikat ataupun kilang-kilang kerana cara ini pada pandangan saya lebih menyeluruh dan lebih praktikal jika dibandingkan dengan yang ada sekarang. Cuma pihak SPR bolehlah menghantar segala persiapan seperti pegawai-pegawai dan alat-alat pengundian di tempat-tempat tersebut. Dengan ini, pegawai-pegawai atau pengundi-pengundi tidak payah bercuti kerja.

Saya rasa hanya setakat itu sahajalah pandangan dan pendapat dari saya dan pada akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Tan Gim Hua.

5.05 *ptg.*

Dato' Tan Gim Hua: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang meminda Perlembagaan untuk menambahkan 12 kerusi Parlimen.

Kita semua telah sedia maklum dan penuh sedar bahawa penambahan bilangan kerusi ini diperlukan memandangkan bertambahnya bilangan pengundi di seluruh Malaysia dalam tempoh 8 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, 6 buah negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberi tambahan kerusi Parlimen pada kali ini. Selain daripada negeri Sarawak, 6 buah negeri yang lain tidak ditambah kerusi Parlimen termasuklah negeri

Pulau Pinang. Sebagai seorang anak negeri Pulau Pinang, saya memanglah berharap bahawa bilangan kerusi Parlimen bagi negeri Pulau Pinang pun dapatlah ditambah juga sebanyak satu atau dua sekurang-kurangnya kalau boleh. Saya percaya bahawa ini memang merupakan hasrat tiap-tiap negeri juga. Akan tetapi saya juga memahami bahawa penambahan 12 kerusi ini memang berasaskan nasihat Suruhanjaya Pilihanraya.

Kita haruslah menghormati kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya. Di samping itu, saya telah pun mengkaji beberapa aspek statistik berkaitan dengan cadangan penambahan kerusi Parlimen kali ini. Saya dapati beberapa rumusan atau, dengan izin, conclusion, dari kajian ini. Pertama, kadar penambahan bilangan pengundi di negeri Pulau Pinang dari tahun 1985 ke tahun 1991 adalah kurang daripada 6 $\frac{1}{2}$ %- Ini merupakan kadar yang terendah sekali di kalangan semua negeri di seluruh negara. Negeri-negeri lain yang mempunyai kadar pertumbuhan yang kurang daripada 10% termasuklah negeri Perak dengan kadar 8 $\frac{1}{2}$ % dan negeri Melaka dengan hampir-hampir 9 $\frac{1}{2}$ %. Kedua-dua negeri ini juga tidak ditambah kerusi Parlimen.

Kedua, kalau kita mengambil kira tambahan bilangan yang mutlak, atau dengan izin, absolute increase in numbers, tambahan lebih kurang 33,000 orang pengundi bagi negeri Pulau Pinang merupakan kedua rendahnya di kalangan semua negeri. Bilangan tambahan yang terkecil sekali ialah negeri Melaka dengan lebih kurang 22,000 orang. Terdapat beberapa negeri lain dengan penambahan pengundi yang lebih besar kalau dibandingkan dengan negeri Pulau Pinang tetapi bilangan kerusi Parlimen bagi negeri-negeri ini pun tidak bertambah. Negeri-negeri ini ialah negeri Perak, dengan penambahan bilangan

pengundi lebih dari 81,000 orang. Negeri Sembilan dengan penambahan lebih daripada 47,000 orang pengundi. Negeri Terengganu dengan penambahan lebih daripada 54,000 orang pengundi dan negeri Sabah dengan penambahan lebih daripada 148,000 orang pengundi.

Ketiga, walaupun bilangan pengundi di setiap kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia sebelum penambahan kerusi ini ialah 50,884 orang. Purata bagi negeri Pulau Pinang ialah 50,514 orang setiap kawasan iaitu kurang sedikit dari purata bagi Semenanjung Malaysia. Purata bagi negeri Pulau Pinang ini adalah lebih rendah dari negeri Selangor dengan adanya lebih daripada 66,000 orang setiap kawasan. Negeri Johor dengan adanya lebih 54,000 orang setiap kawasan dan negeri Melaka dengan lebih daripada 53,000 orang setiap kawasan. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai angka yang besar sekali iaitu lebih daripada 75,000 orang setiap kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas penambahan 12 kerusi Parlimen seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini, purata bilangan pengundi setiap kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia telah turun kepada 46,644 orang. Namun demikian, masih terdapat 6 buah negeri atau wilayah yang mempunyai purata pengundi yang melebihi purata Semenanjung ini. Walaupun negeri Pulau Pinang tidak ditambah bilangan kerusi Parlimen, puratanya sebanyak 50,000 orang masih bukanlah yang tertinggi sekali.

Purata bagi negeri Pulau Pinang masih lebih rendah daripada 3 buah negeri atau wilayah yang lain iaitu negeri Selangor dengan lebih daripada 54,000 orang, negeri Melaka dengan lebih daripada 53,000 orang dan Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dengan lebih daripada 52,000 orang. Sebenarnya Negeri Sembilan dengan purata lebih daripada 49,000 orang satu kawasan dan negeri Johor dengan purata lebih daripada 48,000 orang satu kawasan adalah hampir sama dengan purata negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang memang sudah menjadi satu hakikat di Malaysia ialah negeri-negeri yang lebih kecil, kawasan atau lebih berciri perbandaran, dengan izin, more organised; mempunyai kepadatan penduduk, dengan izin, population density yang lebih tinggi pada amnya dan oleh itu mempunyai purata pengundi setiap kawasan yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang mempunyai keluasan yang lebih besar atau berciri luar bandar. Oleh itu kita tidak mempertikaikan bahawa negeri Sarawak mempunyai purata lebih kurang 27,000 orang pengundi satu kawasan sahaja dan negeri Sabah purata lebih kurang 28,000 orang pengundi satu kawasan sahaja. Begitu juga bagi negeri Kelantan dan Terengganu dengan purata sebanyak 41,000 orang satu kawasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memadamkan hakikat tersebut dan perbandingan statistik ini, walaupun saya merasa kurang puas hati sedikit dan sangat berharap negeri Pulau Pinang diberikan kerusi Parlimen tambahan, tetapi saya masih dapat menerima asas-asas penambahan kerusi Parlimen bagi kali ini kerana saya menghormati kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dan keputusan Dewan Rakyat.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid.

5.14 ptg.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut membahas dan menyokong Rang Undang-undang meminda Perlembagaan Perkara 46 dan Perkara 65.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terpanggil untuk bercakap di Dewan yang mulia ini kerana bagi saya, penambahan kerusi Dewan Rakyat yang dicadangkan adalah pada hakikatnya turut menambahkan peluang kepada pengundi-pengundi untuk mendapatkan perkhidmatan Wakil-wakil Rakyat dengan lebih berkesan lagi. Sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, purata nasional seramai 40,000 pengundi bagi satu kawasan pilihanraya adalah satu jumlah purata nasional yang difikirkan patut dikaji setelah tempoh lapan tahun ini sampai.

Oleh sebab itu, rang undang-undang ini patut disokong selain daripada untuk mencungkil bakat-bakat baru sebagai Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat. Kita tahu lebih ramai lagi bakat-bakat yang selama ini terpendam harus diberi peluang untuk duduk di Dewan Rakyat.

Mungkin kita semua akan mengharapkan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Azman Atar jika ada kawasan baru kita sama-sama memberi peluang kepada beliau selepas ini, kita sama-sama berdoa. Beliau bukan bakat baru, sebenarnya bakat lama tetapi belum muncul di Dewan Rakyat.

Yang ketiganya saya fikir dari segi demokrasi. Kerajaan kita adalah lebih demokratik kerana kita tahu bahawa daripada sekurang-kurangnya 10 kawasan daripada 12 yang akan dibentuk

nanti, mungkin pada hemat saya akan dapat kita pegang di mana Barisan Nasional akan pegang, tetapi dua sekurang-kurangnya kita beri peluang kepada parti Pembangkang kerana kita tahu bahawa pembahagian kawasan itu mengikut analisis yang dibuat, mahu tidak mahu kita mahu supaya pihak Pembangkang, pemimpin-pemimpin Pembangkang juga mempunyai perwakilan di Dewan Rakyat sebagaimana yang diperkatakan oleh saudara kita Tuan Haji Mohamed Nazri sebagai negara yang berdemokrasi, Pembangkang diberikan peluang untuk bersuara, Pembangkang juga diberikan peluang untuk menggunakan forum Dewan Rakyat untuk memberikan pendapat "mereka, tetapi sebagaimana yang dsarankan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Azman Atar tadi, kalau istilah pembangkang mahu ditukar kepada istilah "kepala batu", saya fikir memanglah tugas Tuan Yang di-Pertua untuk mencari dan berunding dengan Dewan Bahasa dan Pustaka apa istilah yang sepatutnya digunakan sebab di Indonesia apabila kita sebut Pembangkang, mereka gelak, mereka ketawa. Istilah itu tidak sesuai. Itu sebabnya mereka menggunakan Oposisi iaitu Opposition, dengan izin, sebab Pembangkang ini memang kerjanya membangkang sahaja, hatta benda yang baik untuk mereka pun di mana satu kerusi tambahan untuk kawasan Parlimen diberikan kepada negeri Kelantan dan 3 kerusi Dewan Undangan Negeri, kita tahu tadi Puan Kalthom kata dia tidak tentu untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini, tetapi saya fikir cara "psy-war" tadi Datuk Haji Azman Atar telah berunding di dalam Dewan, di luar Dewan, saya rasa selepas ini dia terpaksa setuju dengan kita.

Begitu juga dari segi taburan kependudukan mengikut suku kaum. Kita tahu bahawa kalau Barisan Nasional mahu menguasai keseluruhan dua belas kawasan yang ditambah itu,

kita boleh mengikut persempadanan-persempadanan semula kawasan pilihanraya, kita boleh menguasai semuanya. Tetapi, sebuah kerajaan yang adil, sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang memikirkan bahawa taburan kerusi-kerusi ini harus diberikan kepada suku kaum rakyat Malaysia ini dengan adil, mengambil kira peluang-peluang yang diberikan kepada selain daripada rakyat bumiputera di negara ini, maka saya fikir Suruhanjaya Pilihanraya dengan tenaga-tenaga kepakarannya akan menasihatkan kerajaan supaya beberapa kawasan dan kerusi ini turut diberikan kepada orang-orang bukan bumiputera dan bukan Melayu.

Selain daripada itu sebagai sebuah negara membangun, Malaysia pada hemat saya perlu mempunyai lebih ramai Ahli-ahli Parlimen. Kalau sekarang ada 180 dan apabila ditambah menjadi 192, jadi lebih ramai Ahli-ahli Parlimen, lebih-lebih lagi kalau Ahli-ahli Parlimennya terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, saya fikir lebih banyak lagi idea-idea baru, lebih banyak lagi perkara-perkara baru yang harus dan boleh untuk diketengahkan.

Selain daripada itu, Tuan Yarig di-Pertua, dengan ringkasnya saya ingin menyokong pindaan kepada Perkara 65 di mana Perkhidmatan Parlimen mahu disatukan dengan Perkhidmatan Awam dan saya fikir satu perkara yang patut saya sentuh, yang perlu diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ialah Perkara 65 Fasal 7 yang menyebutkan dalam perenggan berkenaan-

"Tidak boleh memilih memasuki perkhidmatan itu oleh sebab telah mencapai umur lima puluh lima tahun akan terus menjadi anggota Perkhidmatan Parlimen atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai bagi mereka sebelum Akta ini dimansuhkan."

Dalam perkara ini saya ingin menyarankan supaya dalam Fasal 7 ini turut dimasukkan bahawa, tempoh umur ini boleh dilanjutkan melebihi tempoh umur persaraan perkhidmatan awam berdasarkan kepada prestasi Setiausaha Dewan Negara. Sebagaimana yang disebutkan tadi, kita bersetuju Setiausaha Dewan Negara kita ini seorang yang berkebolehan, berprestasi yang baik, seorang imam yang baik, saya fikir beliau bukan sahaja layak, tetapi memang sepatutnya kalau telah mencapai umur 55 tahun harus dipertimbangkan untuk dilanjutkan perkhidmatannya sebagai Setiausaha Dewan Negara,

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Perkara 46 dan Perkara 65. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ahmad.

5.20 *ptg.*

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan meminda Perlembagaan Persekutuan ini mengenai Perkara 46. Sebagaimana yang kita maklum bahawa penambahan pengundi negeri Melaka menjadi 53,000 orang lagi. Kita berkehendakkan satu kawasan Parlimen, hanya 41,000. Jadi memanglah Melaka layak ditambah satu kawasan Parlimen lagi. Tetapi mengikut pindaan ini Melaka tidak mendapat penambahan kawasan Parlimen. Jadi, saya minta pihak yang berkenaan dapat menambah satu kawasan Parlimen lagi bagi membolehkan keadilan diberi kepada negeri Melaka. Kalau kita melihat tadi bahawa negeri Perlis yang kecil pun dapat tambahan satu kawasan Parlimen, jadi Melaka yang sedang membangun

dengan pesat memang layak diberi satu kawasan Parlimen lagi bagi membolehkan perkhidmatan Wakil Rakyat lebih berpotensi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat keseluruhannya. Kemudian, saya juga merayu kalau boleh satu-satu kawasan Parlimen dalam negeri Melaka ini dapat ditambah lagi Dewan Undangan Negerinya kerana mengikut keadaan sekarang Dewan Negeri yang kurang sekali ahli-ahli Dewannya di negeri Melaka. Jadi, patutlah bagi satu kawasan Parlimen kalau dapat ditambah lagi satu kawasan Dewan Undangan Negeri. Itulah permohonan saya berkenaan dengan Perkara 46.

Berhubung dengan Perkara 65, saya merasakan bahawa apa pun cara Perlembagaan ini ditukar saya bersetuju dengan rakan-rakan sekalian bahawa perkhidmatan yang telah diberi oleh Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat selama ini memang baik. Begitu juga apabila diambilalih oleh Jabatan Perkhidmatan Awam saya percaya bahawa perkhidmatan yang dikelolakan dan diusahakan oleh Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini akan sentiasa baik. Oleh sebab itu saya merasakan bahawa seperti kawan-kawan saya yang tadi, kalau boleh berkenaan dengan umur itu jika sekiranya Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini mempunyai potensi yang baik sebagai seorang veteran bolehlah dilanjutkan umurnya sehingga enam puluh tahun sepertimana yang ada sekarang. Sekianlah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Azumu.

5.25 *ptg.*

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta bercakap tentang rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju di atas Fasal 46, mengenai penambahan jumlah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan ini menunjukkan kepada kita bahawa demokrasi berparlimen di dalam negara kita ini wujud dengan sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengamalkan sistem demokrasi ini, kita juga terpaksa sama ada di dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini, mengikut aturan-aturan dan Peraturan Tetapnya. Jika seseorang itu melanggar Peraturan Tetap dan jika dikehendaki oleh Speaker dia terpaksa keluar daripada Dewan itu, maka kenalah dia mengikut perintah Speaker supaya keluar dari Dewan jika perangnya tidak disenangi oleh Dewan yang tersebut.

Saya bangkitkan hal ini kerana saya hairan di dalam sesi ini Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat daripada DAP memakai arm-band di sebelah kirinya yang tertulis "Izinkan Lim Kit Siang masuk ke Parlimen". Alangkah malunya mereka berpakaian lounge suit begitu smart, tetapi ada pula white arm-band di sebelah kiri. Ini adalah perangai yang biadap dan tidak gentleman. Jika Lim Kit Siang seorang Ahli Parlimen yang benar-benar Parliamenterian, saya yakin Speaker Dewan Rakyat tidak mengusirnya keluar dan Dewan tidak memutuskan supaya dia tidak hadir di dalam sesi Parlimen kali ini. Ini membuktikan kepada rakyat negara ini bahawa DAP ini sungguhpun melaung-laungkan berkehendakkan sistem demokrasi berparlimen wujud dengan sepenuh-penuhnya, tetapi merekalah sebenarnya rakyat negara kita ini yang suka hendak membelakangkan amalan demokrasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana meminda Fasal 46 ini, tetapi saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk meminda Fasal 45

berkenaan dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini. Adakah kerajaan bercadang hendak menambah ahli-ahli ini dan juga untuk meminda Fasal 45 (3) (a) berhubung dengan tempoh Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya rasa tiba masanya sekarang ini supaya seorang Ahli Dewan Negara ini duduk dalam tempoh lima tahun dan bukan tiga tahun seperti apa yang ada dalam Perlembagaan pada hari ini. Masanya sudah tiba oleti kerana bilangan pengundi sudah ramai, bilangan penduduk sudah ramai dan ahli-ahli parti yang berkelayakan dan yang cekap begitu ramai sekali maka sudah tibalah masanya supaya bilangan ini juga ditambah. Apabila Dewan Rakyat mula membincangkan untuk meminda Fasal 46 ini ada suara-suara di dalam akhbar menyatakan Dewan Negara juga akan ditambah. Tetapi apabila kita baca Rang Undang-undang di hadapan kita ianya tidak langsung disebut. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah bercadang hendak menambah bilangan Ahli Dewan Negara ini dan juga melanjutkan tempoh seseorang ahli itu daripada tiga tahun kepada lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju juga tentang pindaan Perkara 65 tentang staf Parlimen dan saya juga turut serta dengan kawan-kawan yang lain untuk memuji kakitangan Dewan Negara kita ini, saya tidak tahu bagaimana kakitangan Dewan Rakyat tetapi kita tahu bahawa Setiausaha Dewan Negara adalah seorang yang pandai bekerja dan harus diberi kepujian yang sepenuhnya. Cuma harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, di masa yang akan datang apabila ianya di bawah JPA jika seseorang itu menjadi Setiausaha Dewan Negara, saya harap supaya tempoh masa perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negara itu hendaklah lama, janganlah mengikut sistem kerajaan pada hari ini di mana apabila seorang pegawai kerajaan sudah berkhidmat dua tahun,

tiga tahun ianya ditukar ke tempat lain. Penghormatan yang sepenuhnya mesti diberi kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini supaya seseorang pegawai itu cekap di dalam kerja-kerjanya dan kita harap tidak membuat apa-apa kesalahan kerana kita adalah sebuah Dewan yang amat penting untuk menterjemahkan undang-undang negara kita.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rahg undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang "Berhormat Tuan Tiong Thai King.

'530 ptg.

Tuan Tiong Thai King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbincangan pindaan kepada Perlembagaan.

Saya dapat tahu bahawa pindaan-pindaan akan membabitkan Fasal 2, Perkara 46 dan Fasal 3, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dengan pindaan itu Suruhanjaya Pilihanraya akan boleh menjalankan persempadanan semula kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri. Tambahan kerusi Parlimen untuk Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis adalah dibuat tepat pada waktunya memandangkan tambahan penghuni dan keperluan mewujudkan satu sistem perwakilan yang saksama serta berpatutan, iaitu dalam mana sistem seorang wakil rakyat akan boleh menyediakan dan memberi perkhidmatan iebih baik kepada penghuni-penghuni dalam kawasannya. Kerana itulah pindaan juga membabitkan Fasal 3, Perkara 113 yang menghendaki Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kajian semula terhadap kawasan Parlimen yang ada dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu.

Lagi pun, kajian semula terhadap kawasan Parlimen dan tindakan persempadanan semula kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri telah dilaksanakan pada 8hb November, 1984. Maka tibalah waktunya bagi kita mengambil tindakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga menyokong cadangan untuk meminda Perkara 65 Perlembagaan bagi membolehkan Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dengan harapan bahawa pentadbiran dan pengurusan kedua-dua Dewan itu akan diperkuat dan diperbaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan sokongan penuh saya kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1992 itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim.

534 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama memberikan sokongan di atas pindaan Akta Perlembagaan 1992, khasnya Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan sokongan saya kepada pindaan ini, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Annuar Musa, Yang Berhormat Datuk Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Datuk Haji Azman Atar yang telah pun dianugerahkan pingat kebesaran yang membawa gelaran Dato'. Kami juga mengucapkan terima kasih kerana ketiga-tiga Dato' baru kita ini akan memberikan jamuan secara berasingan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. *(Ketawa)* Saya nampak Dato' Annuar Musa mengangguk, bermakna bersetujulah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan juga syabas dan mengalu-alukan Puan Hajah Rahaiah Baheran, Datin Hajah Wan Intan dan juga Hajah Habshah Haji Osman yang telah pun dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan juga kepada Yang Berhormat Datuk David Yeoh yang telah pun dilantik semula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan Fasal 46 Perlembagaan Persekutuan mengenai tambahan 12 kerusi Parlimen yang akan diadakan tidak berapa lama lagi, saya percaya tambahan ini sepatutnya disokong kerana ianya bersesuaian dengan pertambahan penduduk dan juga dengan pertambahan kawasan-kawasan perumahan yang baru. Di dalam tambahan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah pun memberikan perhatian khasnya kepada Wilayah Persekutuan yang telah pun ditambah daripada 7 kerusi menjadi kepada 10, iaitu pertambahan 3 kerusi.

Kalau kita lihat dari segi sejarah Wilayah Persekutuan sejak tahun 1974 bermulanya pilihanraya kawasan-kawasan Parlimen di dalam Wilayah Persekutuan yang bermula dengan 173,946 pengundi pada masa itu dengan purata pengundi 35,000 bagi satu-satu kawasan telah pun bertambah kepada 261,700 pengundi pada tahun 1978, iaitu dengan nisbah 52,000 bagi tiap-tiap satu kawasan pengundi. Pada tahun 1982 tambahan yang sebegitu pesat kepada 408,000 pengundi dengan nisbah 81,600 orang pengundi bagi tiap-tiap satu kawasan. Apabila berlaku perpecahan pada tahun 1986, iaitu pindaan pada tahun 1984, pengundi telah pun bertambah, iaitu 474,300 orang dengan nisbah 67,600 orang setiap kawasan pengundi. Pada tahun 1990 dengan pengundi seramai 534,700 orang dengan nisbah setiap kawasan pengundi 76,400 orang.

Jadi, dengan tambahan kawasan pengundi ini, saya menganggarkan bahawa menjelang tahun 1994 ataupun 1995 jumlah pengundi di Wilayah Persekutuan akan bertambah kepada 600,000. Ini memandangkan pertambahan di antara tahun 1982 ke 1986 lebih kurang 60,000 dan antara tahun 1986 ke 1990 pun lebih kurang 60,000 dan adalah dianggarkan pertambahan yang sama akan berlaku pada tahun 1994 ataupun 1995. Jadi, ini bererti dengan 600,000 lebih pengundi di Wilayah Persekutuan akan mendapat 10 kawasan pengundi, bermakna dalam nisbah 60,000 bagi tiap-tiap satu kawasan pengundi. Ini masih tinggi kalau dibandingkan dengan purata di peringkat nasional. Nisbah di peringkat nasional iaitu 47,000 bagi tiap-tiap satu kawasan pengundi. Tetapi walau bagaimanapun, sepertimana yang telah dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya yang terdahulu, kita bukan hanya mengambil kira bilangan pengundi, tetapi juga mengambil kira dari segi keluasan sesuatu kawasan. Jadi, inilah beautynya, dengan izin, kepakaran yang telah pun ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya berharap Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil kira bukan hanya dari segi tambahan pengundi, tetapi juga dari segi keluasan sesuatu kawasan. Saya percaya kalau di dalam Wilayah Persekutuan, seperti kata sahabat saya tadi, setengah-setengah kawasan belum sempat masuk gear dua pun sudah habis kita boleh lawati, tetapi di kawasan-kawasan yang jauh, di kawasan-kawasan pedalaman, kadangkala terpaksa gear enam pun mungkin tak dapat kita lawati kesemua kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang unik di dalam Wilayah Persekutuan ini ialah walaupun Wilayah Persekutuan

mempunyai 1.5 juta penduduk dan 600,000 orang pengundi dijangkakan tetapi ianya dari segi perwakilan, ianya hanya diwakili oleh kalau sekarang ini terdapat 7 orang wakil rakyat atau di dalam masa yang akan datang, insya-Allah, akan diwakili oleh 10 orang wakil rakyat.

Kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain yang mempunyai penduduk mungkin kurang dari 1.5 juta, mereka ini juga mempunyai Ahli-ahli Parlimen/Ahli-ahli Dewan Negara dan di samping itu juga mempunyai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Saya ingin mencadangkan supaya difikirkan juga bukannya soal hendak menambahkan kerusi Parlimen di dalam Wilayah Persekutuan, tetapi memikirkan membuat pindaan pada Akta Wilayah Persekutuan 1972 supaya diwujudkan satu Majlis Perundangan Wilayah Persekutuan, yang mana ahli-ahlinya dilantik daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara dan sebahagian lagi dilantik daripada tokoh-tokoh masyarakat, tokoh-tokoh korporat, tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh perniagaan dan sebagainya.

Dengan adanya Majlis Perundangan Wilayah Persekutuan ini dapatlah suara-suara khasnya suara-suara daripada 1.5 juta penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini dapat didengar oleh pihak kerajaan. Dalam keadaan sekarang sepertimana yang kita ketahui Wilayah Persekutuan di bawah Akta Wilayah Persekutuan 1972, pentadbiran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur khasnya, hanya terletak di tangan seorang sahaja iaitu di tangan Datuk Bandar sendiri. Kalau di kawasan-kawasan lain ada Kerajaan Negeri, ada Exco, ada Wakil Rakyat dan juga ada Ahli-ahli Majlis, tetapi di Wilayah Persekutuan segala-galanya kuasa Eksekutif terletak kepada Datuk Bandar sendiri, dan Datuk Bandar

dibebankan dengan tugas-tugas yang sebegitu berat untuk mengawasi 1.5 juta penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini. Itulah sebabnya saya ingin mencadangkan supaya satu kaedah difikirkan bagaimana penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan dapat memainkan peranan sama-sama untuk memberikan pandangan-pandangan melalui saluran-saluran yang formal, yang dilantik oleh kerajaan supaya mereka ini boleh memainkan peranan yang sama seperti rakyat lain di dalam kawasan-kawasan negeri-negeri yang lain.

Di samping itu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Perbendaharaan sekurang-kurangnya capitation grant mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam telah pun diluluskan, akan diberi hak kepada Wilayah Persekutuan juga. Ini adalah satu perkara yang amat kita alu-alukan. Di samping itu kita berharap juga supaya hak penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan akan diberikan dan Majlis Perundangan yang dicadangkan ini bolehlah difikirkan oleh Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli-ahli yang dilantik oleh menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal pendaftaran pengundi. Tadi telah pun ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya yang lain mengenai masalah pendaftaran pengundi dan juga masalah penyertaan pengundi-pengundi di dalam pilihanraya. Kalau kita lihat semasa kita mengadakan pilihanraya yang pertama pada 27hb Julai, 1955 di mana pada masa itu terdapat 1,280,000 orang pengundi dan peratus pengundi yang keluar pada masa itu adalah 80.8%. Ini satu peratusan yang begitu tinggi sekali, tetapi dari masa ke semasa angka itu menurun sehingga pada tahun 1986 sampai 60%, 70%

ataupun sebagainya. Walaupun angka ini adalah satu angka yang tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara yang mengamalkan sistem berdemokrasi biasanya kurang daripada 60% pengundi-pengundi keluar mengundi. Ini kita mengucapkan syabas juga atas kerja yang telah pun dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Walau bagaimanapun saya percaya ianya boleh diperbaiki ataupun mungkin berlaku keadaan di mana senarai daftar-daftar pengundi ini perlu dibuat penyemakan semula kerana kemungkinan ada yang telah pun meninggal dunia, yang telah pun berpindah ataupun sebagainya. Untuk menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi ini kita juga berharap supaya badan-badan sukarela juga diberikan kesempatan untuk bersama-sama mendaftarkan pengundi-pengundi, supaya setiap rakyat kita yang berhak boleh sekurang-kurangnya mendaftar mengundi dan seterusnya mengambil bahagian dalam pilihanraya-pilihanraya yang akan diadakan.

Saya juga ingin bertanya kepada Suruhanjaya Pilihanraya, mengikut statistik yang ada sekarang ini terdapat 8,058,047 orang pengundi yang berdaftar, tetapi apakah bilangan ini telah pun merangkumi kesemua mereka yang sepatutnya mendaftar sebagai pengundi? Kemungkinannya yang sepatutnya didaftar mungkin ada 9 ataupun 10 juta, tetapi yang berdaftar hanya terdapat 8 juta, Jadi kalau ada figures ini mungkin Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengesan kenapa mereka ini tidak mendaftar. Soal keluar mengundi itu hak masing-masing, sama ada dia hendak mengundi ataupun tidak, sekurang-kurangnya mereka ini diberikan peluang untuk mendaftar. Di sinilah kita berharap, bukanlah saya tidak percaya atau tidak mempunyai keyakinan kepada pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pilihanraya yang menjalankan pendaftaran, tetapi saya

percaya badan-badan sukarela juga boleh memainkan peranan yang sama untuk mencapai matlamat yang sama untuk mendapatkan pendaftaran pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah pun ditimbulkan soal pindaan Perkara 45 Perlembagaan, iaitu mengenai Keanggotaan Ahli Dewan Negara, mungkin boleh juga difikirkan kalau Dewan Rakyat ditambahkan dengan 7% bilangan kerusi di Dewan Rakyat. Ini adalah disebabkan oleh kerana pertambahan penduduk-penduduk dan kami di Dewan Negara pun, saya fikir mereka juga mewakili rakyat juga dan saya percaya peratusan yang sama juga sekurang-kurangnya 4 atau 5 kali lagi keanggotaan Dewan Negara, kalau 7% iaitu lima oranglah boleh ditambah keanggotaan Ahli Dewan Negara. Begitu juga tentang tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara, tadi disebut ditambahkan kepada 5 tahun, Datuk Azumu pun lama lagi tak? Dekat-dekat hendak habis agaknya, tetapi saya tidaklah bercakap bagi pihak diri saya. Walau bagaimanapun memang ada logiknya kerana Dewan Rakyat pun antara empat ataupun lima tahun, sekurang-kurangnya Dewan Negara ditambahkan keahliannya sampai jangka 5 tahun supaya selaras dengan keadaan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cuma itu sahajalah penjelasan dan harapan saya mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dan saya berharap pandangan-pandangan yang telah pun saya berikan tadi akan mendapat perhatian dari pihak-pihak yang berkenaan. Dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.50 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama membahaskan secara ringkas di atas rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya bangun ini untuk mewakili negeri Perlis, sebuah negeri yang kecil. Bagaimanapun kita dapati di sini dapat juga peruntukan untuk tambahan satu Dewan Rakyat dan satu Dewan Undangan Negeri.

Perlis ini nampaknya unik sedikit oleh sebab kita ada tujuh kawasan Dewan Undangan Negeri untuk satu Parlimen. Tidak ada negeri lain yang ada begitu. Jadi kita ada dua Parlimen dan 14 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung sedikit sebanyak saya inginlah ucap tahniah sekali lagi kepada Dato' Annuar, Datuk Ng dan lebih-lebih lagi Datuk Azman Atar ini saya beri dia "double congratulation"lah. Dia ini orang Melaka, duduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mewakili dalam Dewan Negara ini bukan untuk Melaka, untuk Wilayah Persekutuan, tetapi dapat juga dikurniakan "Datukship" daripada Melaka. Jadi inilah saya beri dia double congratulation. Syabas.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Perkara 46 dan 65 Perlembagaan, saya akan tempuh secara ringkas apa yang telah pun ditempuh saya tidak akan tempuh lagi kalau boleh. Yang penamanya mengenai SPR oleh sebab ada tuduhan-tuduhan tadi yang tidak begitu

Timbalan Yang di-Pertua: Ada orang tanya kenapa hendak "tempuh"? (*Ketawa*)

Tuan Dahalan bin Haji Embun:

Tidak boleh hendak pegang. Jadi, saya rasa mesti ada last resort, ada safeguard. Kalau orang tidak berpuas hati dengan SPR, dengan kuasa-kuasa atau keputusan SPR; atau kuasa-kuasa kerajaan, dia punya safeguard ialah mahkamah. Kita ada mahkamah, itulah check and balance. Inilah yang disebut tadi separation of powers ini. Jadi separation of powers ini can always be in action. Tidak puas hati dengan SPR, kita boleh bawa kepada mahkamah. Rasa sayalah.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Maksud dalam bahasa Melayu apa dia yang dicakap dalam bahasa Inggeris itu.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Yang mana satu?

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Ini baru sebentar.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Separation of powers? Separation of powers itu kita kata pengagihan kuasa antara Dewan-Dewan Parlimen, Raja dan juga Eksekutif dan Judiciary. Begitulah kalau kita praktiskan semua itu ada check and balance. Jadi satu kuasa. Satu badan tidak dapat dia monopoli semua kuasa untuk kepentingan dirinya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Azman Atar dalam tahniah pun dia bertanya juga. Dia hendak dapat penjelasan. (*Ketawa*)

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Terima kasih. Jadi, berbalik kepada Perkara 46 kita dapati, dengan izin sekali lagi, democracy in practice. Jadi, dengan penambahan kawasan pilihanraya Parlimen ini kita mewujudkan peluang-

peluang bukan sahaja untuk pengundi-pengundi juga untuk pemimpin-pemimpin, bakal-bakal pemimpin yang ketinggalan, yang tercicir untuk mencebur diri supaya menjadi pemimpin-pemimpin melalui Dewan Rakyat yang akan kita tambahkan ini. Jadi ini satu peluang. Banyak sangat yang tercicir oleh sebab tidak cukup kerusi Dewan Rakyat, tidak cukup kerusi Dewan Undangan Negeri. Sekarang inilah masanya. Dewan Negeri saya tidak tahu berapa banyak dia tambah. Ini satu soalanlah untuk tiap-tiap satu negeri dan juga jumlah agihan untuk tiap-tiap satu negeri. Saya tidak tahu, tidak disebut tadi.

Dan juga ini memberi peluang seperti yang disebut tadi kepada Pembangkang-pembangkang untuk hendak menunjukkan credibility atau pengaruh mereka untuk hendak menawan kerusi-kerusi yang ditambah tadi iaitu 12 kerusi yang ditambah daripada 180 sampai 192 tadi. Inilah peluang untuk mereka mempruf atau memberi keyakinan kepada rakyat bahawa mereka boleh menembusi 12 kerusi tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi banyak ditempuh mengenai, dengan izin sekali lagi, professional representation. Jadi sekarang mengikut yang disebut tadi tambahan penduduk hingga tahun 1992 sudah jadi 8 juta. Tambahan kerusi sudah menjadi 192. Jadi kalau kita hendak ikut professional representation iaitu makna kata 42,000 orang lebih kurang untuk satu seat, 8,000 bahagi 192. Begitulah dia punya basis. Jadi kalau kita hendak ikut konsep professional representation ini memang tidak adil seperti yang disebut tadi.

Oleh sebab kita praktiskan professional representation ini dalam satu society yang homogeneous. Dia punya interest, kepentingan itu homogeneous. Kalau semua di kawasan itu kita kata pertanian boleh kita praktiskan.

Tetapi negara kita, kita dapati yang ada economy interest macam di dalam bandar-bandar kita boleh groupkan sebagai economy interest. Orang yang berkumpul, penduduk yang begitu padat. Tetapi di kawasan-kawasan luar bandar, dia punya interest itu berlainan sangat. Ada yang pertanian, ada yang industri, ada yang aktiviti pemiagaan lain dan ada yang buat macam-macam kegiatan ekonomi. Jadi dia punya interest itu berlainan. Jadi susah untuk satu orang hendak menjaga satu kawasan.

Itulah sebabnya kita split-splitkan supaya dia tidak ikut professional representation itu. Makna kata dia kurang daripada 47,000 orang untuk satu kawasan. Tetapi dalam bandar ini senanglah macam kita kata tadi. Satu orang Wakil Rakyat dia sudah tahu kebanyakan dalam bandar ini dia peniaga. Interest dia peniaga. Dan ada segolongan yang makan gaji. Jadi, dua basic common interest sahaja yang begitu homogeneous.

Jadi inilah rasa saya mengapa pihak SPR memilih cara yang kita buat sekarang iaitu tambahan hanya 12. Sedangkan penambahan penduduk 31% tetapi penambahan kerusi cuma 6.6%, tidak seimbanglah. Jadi memanglah pembangkang dia bangkit-bangkitkan ini. Kalau kita hendak ikut professional representation ini Bandaraya Kuala Lumpur macam Yang Berhormat Rahim Baba sebut tadi 1.5 million kalau bahagi dengan 42 makna kata kita akan ada lebih kurang 30 kerusi dalam Wilayah Persekutuan sahaja. Jadi ini sudah jadi lock sided. 30 kerusi untuk hendak menjaga kepentingan ekonomi peniaga-peniaga dan sedikit sebanyak pekerja-pekerja pejabat. Jadi itu tidak adil kalau kita bandingkan dengan kepentingan yang lebih meluas dan lebih besar di luar bandar. Jadi ini saya ingin ucapkan tahniah kepada SPR kerana mengambil jalan ini iaitu dengan mengikut cara geography interest.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa pun tidak banyak jadi bagaimanapun saya inginlah menyebutkan bahawa penambahan untuk Selangor dan Wilayah ini tidak perlulah kita cemburukan. Tiga untuk Wilayah, tiga untuk Selangor. Ini rasa saya mungkin satu oleh sebab penghijrahanlah. Ramai orang daripada kampung ini pindah ke Wilayah dan duduk di Selangor. Dia tidak duduk lagi di Simpang Empat di Perlis sana. Tidak duduk lagi di Kuala Perlis, dia hendak duduk di Chow Kit. Jadi eloklah kita tambahkan di sini. Tetapi di sana janganlah potong. Jadi tidak terjejas. Itu satu.

Yang satu lagi ini bila saya sebut tambahan Wilayah, kawan kita dia tersenyum-senyum. Jadi mungkinlah ada apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tersenyum itu saya ingat fasal orang di Perlis itu datang ke Kuala Lumpur, dia tidak seberang ke sempadan, itu ,agaknyanya.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tidak, tidak. Jadi yang saya sebut senyum ini pasal saya sebut yang awal tadi, opportunity ini untuk potential leader ini. *(Ketawa)*

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan. Oleh kerana kita ramai di dalam Dewan ini, jadi yang mana satu kawan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan ini?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Ini saya tujukan kepada Datuk Haji Azman Atarlah, memanglah boleh dikatakan pemikirannya begitu tinggi, saya sisi-sisi sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia hendak tahu perkataan itu parliamentary atau tidak? ,

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Saya tempuh sedikit-sedikit sahaja, tetapi dia faham apa yang saya maksudkan. Ini memang kepada dialah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana dia kena tempuhlah maka dia tahu tu.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Itulah.. *(Ketawa)*

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya harap apa yang disebutkan oleh Tuan Dahalan dalam Dewan yang mulia ini agar dimakbulkan dan sebelum sempat saya mendapatkan kawasan itu, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasihlah. *(Ketawa)*

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Insya-Allah, kita sama-sama berdoalah. Tadi, semasa Datuk tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid pun sudah minta kita semua berdoa supaya Yang Berhormat Datuk dipilih menjadi calon untuk kawasan baru Selayang Baru. Ini satu persoalan oleh sebab kita tidak tahu nama-nama kawasan Parlimen baru ini dan boundarynya pun kita tidak tahu lagi. Apabila saya balik ke kampung ke kawasan saya Perlis, cawangan Bohor Mali, saya pun tidak tahu hendak masuk mana kawasan Dewan Negeri yang mana ataupun kawasan Parlimen yang mana. Sekarang ini saya sedang pelan hendak jadi Ketua Bahagian atau Naib Ketua Bahagiankah, saya pun belum tahu lagi. Kalau tukar cawangan akan timbul masalah pula. Inilah satu soalan yang ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa pun on the dot, dan untuk mengakhiri atas Fasal 65 ini sebagaimana yang diserukan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, saya mohon

menyokong dan seterusnya, dengan kata-kata itu, saya menyokong di atas pindaan itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput menteri menjawab, saya ingin mengingatkan bahawa pengundian secara berbelah bahagi sebentar lagi adalah dua kali. Janganlah selepas sahaja mengundi berbelah bahagi sekali, terus keluar. Dua kali, ya! Harap mendapat ingatanlah. Sekarang saya dengan hormatnya menjemput menteri memberikan jawapannya. Dipersilakan.

6.02 *ptg*,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Azman Atar, Datuk Ng Peng Hay, Tuan C. Krishnan, Tuan Haji Mustafa Awang, Tuan Haji Mohamed Nazri, Puan Hajah Habidah Jusoh, Dato' Tan Gim Hua, Haji Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Haji Ahmad Abdullah, Dato' Azumu bin Tak, Tuan Tiong Thai King, Tuan Rahim bin Baba dan Tuan Dahalan bin Haji Embun, semasa membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1992 ini.

Saya akan cuba menjawab point-point yang penting daripada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting kepada saya ialah berkenaan dengan kebebasan SPR. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa SPR memang bebas untuk

menjalankan tugas mereka bukan sahaja berkenaan dengan pilihanraya bahkan untuk perkara-perkara yang berbangkit dengan boundary dan sebagainya. Saya percaya dengan kepakaran yang ada pada SPR, Suruhanjaya itu dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna. Kita tidak payah ragu-ragu atas kebebasan SPR.

Ramai Ahli Yang Berhormat bertanyakan berkenaan bilangan kerusi di negeri masing-masing, terutamanya Yang Berhormat Datuk Ng Peng Hay minta supaya dikaji semula kerusi untuk negeri Melaka. Purata nasional adalah seperti yang saya sebutkan dalam ucapan awal saya tadi ialah 47,000 bilangan pemilih. Bagi Parlimen Negeri Melaka tidak jauh berbeza dengan purata nasional. Oleh itu tambahan kerusi Parlimen bagi Melaka tidak perlu buat masa ini. Berhubung dengan jumlah pemilih bagi Kota Melaka dan Batu Berendam, saya percaya dengan kajian ini SPR akan mengubah kawasan-kawasan tersebut untuk mengurangkan bilangan pemilihnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Ng Peng Hay juga minta penjelasan berkenaan dengan pindaan kepada Perkara 65. Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963 yang sedia ada, ada memperuntukkan satu Advisory Committee atau Jawatankuasa Penasihat yang menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuat perhatian bagi syarat-syarat dan disiplin kakitangan Parlimen juga bagi Setiausaha-setiausaha. Dengan itu tidaklah tepat jika dianggapkan Speaker sebagai orang yang mengawal syarat-syarat, terma-terma dan disiplin kakitangan Parlimen. Tugas Parliamentary Service Advisory Committee akan mengambil alih fungsi Advisory Committee tadi. Perlu juga

diambil maklum bahawa Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam juga menganggotai Advisory Committee yang ada sekarang, Jadi pindaan ini tidak membawa konsep baru, cuma ia bertujuan melicinkan pentadbiran yang ada sekarang.

Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang juga telah bertanya mengapakah Terengganu tidak ada ditambah kerusi. Seperti yang saya jawab kepada Datuk Ng Peng Hay tadi bagi negeri Melaka, Terengganu juga tidak dapat tambahan kerusi atas hakikat bahawa purata perolehan kawasan pilihanraya Terengganu adalah 40,000 manakala purata nasional 47,000. Pertambahan tidak wajar. Berkaitan dengan terdapatnya kawasan yang lebih pengundi, saya percaya SPR akan mengubahsuai apabila persempadanan dibuat kelak. Untuk makluman Yang Berhormat, sama ada ditambah kerusi atau tidak, persempadanan oleh SPR akan melibatkan negeri itu juga.

Yang Berhormat Dato' Tan Gim Hua menyentuh berkenaan dengan Pulau Pinang. Pulau Pinang telah wujud 11 kerusi Parlimen. Purata pemilih kawasan Parlimen Pulau Pinang adalah hampir sama dengan purata nasional. Oleh kerana kawasannya kecil, maka SPR tidak memperakukan penambahan kerusi Parlimen setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang penting yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ialah berhubung dengan jawatan Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara. Ianya akan diisi oleh pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

Kerajaan akan memilih, menimbang dan memutuskan perkhidmatan yang sesuai untuk mengisi jawatan ini. Sungguhpun begitu, pengisian suatu

jawatan ini adalah bergantung kepada jenis tugas dan tanggungjawab yang akan dijalankan. Dalam soal jawatan Setiausaha kedua-dua Dewan ini, tugas mereka lebih bercorak pentadbiran, urusan personal, penyelarasan dan kajian pembangunan pentadbiran. Oleh yang demikian, kerajaan akan menentukan apakah skim perkhidmatan yang bersesuaian dengan corak tugas dan tanggungjawab mereka.

Cadangan pindaan ini bukanlah bererti campur tangan badan Eksekutif terhadap badan Legislature. Perkhidmatan Parlimen lebih merupakan urusetia kepada Parlimen dan ianya lebih bersifat pentadbiran dan penyelarasan. Ianya tidak terlibat langsung dalam penggubalan undang-undang atau dasar-dasar kerajaan. Soal campur tangan urusan Parlimen, kuasanya badan Legislature tidak timbul langsung. Pindaan ini bukanlah bertujuan untuk merampas kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Yang di-Pertua Dewan Negara sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ng Peng Hay atau menjejaskan institusi Parlimen yang sedia ada sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang. Tetapi sebaliknya dengan adanya pindaan ini, Perkhidmatan Parlimen akan mendapat faedah yang lebih di mana Parlimen mempunyai pilihan untuk melantik pegawai-pegawai yang berpengalaman daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan sebagai Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara. Melalui perlantikan daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, pegawai yang menjawat jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Parlimen akan menjadi lebih terbuka, mobile, dengan izin, dan akan dapat menggunakan pengalamannya untuk kebaikan Perkhidmatan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Senator juga telah menyentuh berkenaan dengan Setiausaha Dewan Negara. Mereka bertanya jikalau beliau sudah sampai umur 55 tahun adakah beliau boleh terus berkhidmat dengan Dewan Negara apabila rang undang-undang ini nanti diluluskan. Pada hemat saya, ini tidak menjadi masalah. Banyak kes dalam perkhidmatan Kerajaan bukan sahaja di Kementerian Luar Negeri, bahkan guru-guru sekolah dan kementerian-kementerian lain atau jabatan-jabatan lain di mana pegawai-pegawai kerajaan yang cukup umur 55 dilanjutkan perkhidmatan dua tahun atau tiga tahun oleh kerajaan masa itu. Jadi, ini tidak menjadi salah pada kita di sini.

Dua tiga orang Senator juga telah membangkitkan berkenaan dengan bilangan tambahan Ahli Dewan Negara dan juga kalau dapat, tempohnya dilonggarkan kepada lima tahun daripada tiga tahun yang ada pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara adalah tertakluk kepada Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 45(2) pula menggariskan mengenai orang-orang yang boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi Ahli Dewan Negara iaitu mereka yang telah berbuat jasa cemerlang dalam Perkhidmatan Awam yang telah mencapai kepujian dalam lapangan profesion perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili yang kecil-kecil bilangannya atau yang mempunyai, kebolehan mewakili kepentingan Orang-orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa jumlah Ahli Dewan Negara yang ada sekarang ini adalah mencukupi dan telah dapat mencerminkan bahawa ianya telah mewakili orang-orang masyarakat

sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menambah Ahli Dewan Negara. Dan setakat ini beum bercadang hendak memanjangkan tempoh perlantikan seorang Senator dari tiga tahun kepada lima tahun seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan itu, saya kira masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya berharap mereka berpuas hati atas penjelasan yang diberi oleh saya sebentar tadi. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46, saya memerintahkan supaya satu belahbahagian diadakan sekarang. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan

Dewan berbelah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Yang Bersetuju — 56 orang.
(*Tepuk*)

Yang Tidak Bersetuju — 1 orang.

Yang Tidak Mengundi — Tiada.

YANG BERSETUJU:

Dato' Haji Annuar bin Musa.
 Dato' S. Subramaniam.
 Dr. Sak Cheng Lum.
 Tuan Mustapa bin Mohamed.
 Datuk Haji Azman Atar bin Othman.
 Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth.
 Datuk David Yeoh Eng Hock.
 Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:
 Tuari C. Krishnan.
 Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.
 Tuan V. K. Sellapan.
 Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff.
 Tuan Munisamy a/l Kuppan.
 Dato' Dr. Mak Hon Kam.
 Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai.
 Tuan Adam bin Kadir.
 Dato' Ng Thian Hock.
 Tuan Ghazali bin Haji Embong.
 Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.
 Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar.
 Tuan Itam Wali bin Nawan.
 Tuan Dahalan bin Haji Embon.
 Datuk Ng Peng Hay.
 Tuan Haji Zainal bin_Md. Deros.
 Dato' Azumu bin Tak.
 Dato' William Chek Lin Kwai.
 Tuan Shuib bin Endut.
 Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof.
 Tiaan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail.
 Tuan Foo Boon Liang.
 Tuan Douglas Sulang Anak Ganda.
 Tuan Isli bin Haji Siput.
 Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher.
 Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.
 Tuan Saidin bin Mohamad.
 Tuan Haji Dol bin Dolah.
 Tuan Rosalind Yau Shuk Meng.
 Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.
 Tuan Ho Cheng Wang.
 Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.
 Tuan Haji Shuib bin Shawal.
 Tuan Mustafa bin Awang.
 Tuan Neo Tuan Cheng.
 Dato' Tan Gim Hua.
 Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail.
 Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.
 Tuan Michael Bong Thiam Joon.
 Tuan Said bin Haji Man.
 Tuan Ding Seling.
 Tuan Rahim bin Baba.
 Tuan Tiong Thai King.
 Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.
 Puan Hajah Zaleha binti Hussin.
 Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.
 Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad.

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak kurang daripada 2/3 yang telah mengundi bersetuju, Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita beralih, saya minta Tuan Yang di-Pertua cuba membetulkan angka berapa bilangan yang mengundi, berapa yang tidak mengundi dan berapa yang tidak bersetuju sebab saya rasa ragu-ragu keputusan yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya minta Tuan Yang di-Pertua ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Keputusan yang telah disampaikan kepada saya oleh Setiausaha ialah:

Yang Bersetuju — 56 orang.

Yang Tidak Bersetuju — 1 orang.

Yang Tidak Mengundi — Tiada.

Datuk Haji Azman Atar bin Othman: Saya rasa jumlah semua yang ada datam Dewan pada ketika ini ialah 54 orang. Saya minta maaf kalau saya silap.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasad)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-

undang Perlembagaan (Pindaan), 1992 telah dibentangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tidak ada pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Berbalik kepada Peraturan Perlembagaan 159 yang berkehendakkan kepada bacaan kali yang ketiga hendaklah diadakan belahbahagian sekali lagi. Sekarang saya memerintahkan supaya diadakan belahbahagian. Minta loceng dibunyikan selama 2 minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Yang Bersetuju — 56.

Yang Tidak Bersetuju — 1.

Yang Tidak Mengundi — Tiada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab yang bersetuju tidak kurang daripada 2/3, Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERSETUJU:

Dato' Haji Annuar bin Musa.
 Dato' S. Subramaniam.
 Dr. Sak Cheng Lum.
 Tuan Mustapa bin Mohamed.
 Datuk Haji Azman Atar bin Othman.
~~Man~~ (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth.
 Datuk David Yeoh Eng Hock.
 Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.
 Tuan C. Krishnan.
 Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.
 Tuan V. K. Sellapan.
 Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff.
 Tuan Munisamy a/l Kuppan.
 Dato' Dr. Mak Hon Kam.
 Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai.
 Tuan Adam bin Kadir.
 Dato' Ng Thian Hock.
 Tuan Ghasali bin Haji Embong.
 Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.
 Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar.
 Tuan Itam Wali bin Nawan.
 Tuan Dahalan bin Haji Embon.
 Datuk Ng Peng Hay.
 Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.
 Dato' Azumu bin Tak.
 Dato' William Chek Lin Kwai.
 Tuan Shuib bin Endut.
 Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof.
 Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah.
 Tuan Abdul Rashid bin Ismail.
 Tuan Foo Boon Liang.
 Tuan Douglas Sulang Anak Ganda.

Tuan Isli bin Haji Siput.
 Tuan , Johan B.O.T. Ghani @ Christopher.
 Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.
 Tuan Saidin bin Mohamad.
 Tuan Haji Dol bin Dolah.
 Tuan Rosalind Yau Shuk Meng.
 Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.
 Tuan Ho Cheng Wang.
 Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.
 Tuan Haji Shuib bin Shawal.
 Tuan Mustafa bin Awang.
 Tuan Neo Tuan Cheng.
 Dato' Tan Gim Hua.
 Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail,
 Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.
 Tuan Michael Bong Thiam Joon.
 Tuan Said bin Haji Man.
 Tuan Ding Seling.
 Tuan Rahim bin Baba.
 Tuan Tiong Thai King.
 Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.
 Puan Hajah Zaleha binti Hussin.
 Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.
 Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad.

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan Majlis Mesyuarat kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.

